

Jilid III  
Bil. 44



Hari Selasa  
10hb November, 1981

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 5497]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 [Ruangan 5530]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1982 [Ruangan 5530]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.  
D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam  
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,  
S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE  
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI  
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,  
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH  
HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.  
(Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI  
SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,  
S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG  
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,  
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO  
YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.L.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HONG NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS, (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG ALIAS ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* George Abbah (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K., (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT ALIAS CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

Yang Berhormat DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).

- „ TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL ALIAS MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON ALIAS LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK DR JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulang Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).

Yang Berhormat WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING ALIAS ABDUL RAHMAN BIN  
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Selasa, 10hb November, 1981
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN  
PERTANYAAN

## KES ROGOL

1. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah kes-kes rogol yang menjadi-jadi dapat dihapuskan sama ada hukuman lebih berat seperti hukuman gantung dapat dikenakan kepada mereka yang didapati bersalah kerana merogol.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar menyatakan yang kejadian rogol menjadi-jadi. Angka-angka mengenai kes rogol dalam tempoh 5 tahun yang lalu menunjukkan bahawa kadar kes rogol bagi tiap-tiap 100 ribu penduduk adalah sebagai berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Kadar</i>
1976	.. .. .	2.29
1977	.. .. .	2.34
1978	.. .. .	2.34
1979	.. .. .	2.83
1980	.. .. .	2.62

Kadar-kadar yang disebutkan itu menunjukkan bahawa kes-kes rogol adalah dalam keadaan yang terkawal. Oleh kerana rogol adalah kesalahan yang sukar atau tidak boleh dicegah maka adalah difikirkan kejadian rogol ini tidak dapat dihapuskan sama sekali.

Pada masa ini Kerajaan tidak ada apa-apa cadangan bagi menambahkan lagi hukuman atas kesalahan rogol kerana peruntukan undang-undang yang sedia ada di mana seseorang yang sabit kesalahannya boleh dikenakan hukuman penjara selama 30 tahun dan didenda atau boleh juga dikenakan hukuman sebat adalah dianggap memadai.

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan adakah Kerajaan bercadang hendak menghantar orang-orang yang didapati bersalah kerana merogol ke sebuah pulau buangan misalnya seperti Pulau Jerejak dan sebagainya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan sudah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tidak ada hendak menambah hukumannya. Ada lagi hendak tambah Yang Berhormat?

**Tuan Abdul Rahim bin Thamby Chik:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan tadi, adakah beliau sedar angka-angka yang dilaporkan tidak menunjuk angka-angka yang betul oleh kerana kes rogol ada banyak, orang tidak berani oleh kerana sangat malu hendak melaporkannya kepada Polis. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan mengubah undang-undang di mana semua kes-kes rogol ini masuk dalam *case in camera* dan bukan open case di mana ramai orang boleh dapat peluang dan berani melaporkannya kepada Polis.

**Tuan Abdul Rahim bin Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua saya amat sukar menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu

kerana kalau kes-kes rogol tidak dilaporkan bagaimanakah tindakan hendak diambil oleh pihak Polis misalnya bagi jenayah yang telah dilakukan. Di dalam sistem perundangan kita memang diberi peluang kepada setengah-setengah keadaan yang bersesuaian perbicaraan dijalankan dalam camera bagi kes-kes rogol ini sebagaimana yang kita dapat lihat sekarang.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu faktor-faktor yang sebenarnya yang mengakibatkan berlakunya begitu banyak kes rogol, adakah ini disebabkan kerana pasaran pelacuran tidak mencukupi atau kekurangan jantina perempuan atau lain-lain sebabnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini luar daripada pertanyaan asal.

Yang Berhormat Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze.

*(Soalan No. 2 Y.B. Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze tidak hadir)*

### TAKUNGAN AIR BAGI KEPERLUAN PERSAWAHAN

3. **Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah ikhtiar Kementerian ini untuk menyediakan kawasan takungan air yang sesuai bagi keperluan persawahan di negara ini dan adakah rancangan khas untuk membuat takungan air bagi keperluan persawahan di Tanjong Karang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, ampangan yang telah dibina di Semenanjung Malaysia untuk membekalkan air persawahan adalah seperti berikut:

- (a) Ampangan Bukit Merah bagi kawasan taliair Krian di negeri Perak;
- (b) Ampangan Endau bagi kawasan taliair Pandan/Endau negeri Johor;
- (c) Ampangan Pedu/Muda bagi kawasan Perairan Muda di Kedah.

Rekabentuk bagi ampangan di Sungai Anak/Endau dan Sungai Pontian untuk

projek pembangunan pertanian Rompin/Endau negeri Pahang sedang dijalankan dan pembinaan kedua-dua ampangan ini akan dimulakan pada tahun 1982.

Kajian juga sedang dijalankan di bawah Penyiasatan Sumber-sumber Air Kebangsaan (National Water Resources Study) untuk menyasiat dan mentaksir punca-punca air yang dapat diperolehi untuk serba guna serta keperluan air hingga Tahun 2,000. Kajian ini termasuk penyiasatan kawasan takungan air yang sesuai untuk persawahan. Kajian ini dijangka akan siap pada bulan Disember, 1982.

Bagi kawasan Tanjong Karang, Selangor, Kementerian Pertanian setakat ini tidak ada rancangan untuk membina ampangan takungan air di kawasan Tanjong Karang. Walau bagaimanapun, untuk menakung dan membekalkan air persawahan kawasan Paya Gambut yang sedia ada seluas 204 batu persegi akan dikekalkan di bawah rancangan Barat Laut Selangor untuk memastikan punca air bagi persawahan tidak terjejas.

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian. Empangan Muda dan Empangan Padu juga disebut sebagai tempat takungan air tetapi kepada pak tani, pak tani dapati empangan ini tidak mencukupi air sudah beberapa tahun yang lepas. Apakah tindakan Kerajaan untuk membanyakkan air di situ selain daripada cloud seeding? Kalau cloud seeding ini berjalan sejauh mana Kejayaan cloud seeding, iaitu mengumpulkan awan pergi tuang air hujan di sana?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai dua cara penyelesaian. Pertama, penyelesaian jangka pendek. Yang kedua, penyelesaian jangka panjang. Dalam cara penyelesaian jangka pendek saya rasa jikalau kita dapat jimatkan air, iaitu dengan cara pembesaran sawah setakat yang terdaya berasaskan suasana punca air yang wujud.

Yang kedua, jangka panjang, yang mana objektifnya, ialah untuk menambah air, saya rasa elok kalau kita jalankan kajian kemungkinan (feasibility studies) di tempat-tempat yang kita dapati ada mempunyai air.

Berhubung dengan cloud seeding ini kita akan kaji juga sama ada benar-benar memberi keuntungan kepada petani-petani kita berasaskan kewangan yang terlibat dalam rancangan itu.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian ini sedar bahawa air yang diperlukan oleh petani khususnya pesawah di dalam kawasan pengairan Tanjung Karang jauh daripada mencukupi. Dengan sebab itulah maka persawahan di kawasan tersebut terpaksa diadakan empat peringkat yang berlainan di antara satu peringkat yang lain bagi tiap-tiap kawasan dan ini telah pun merugikan pesawah-pesawah kerana musuh-musuh padi susah hendak dimusnahkan dan perkara ini telah diakui oleh Jabatan Pertanian sendiri. Kalau sekiranya tidak ada perubahan rancangan bagi membuat takungan air di kawasan itu adalah bererti pesawah-pesawah tersebut terus menderita sepanjang zaman. Apakah rancangan yang perlu difikirkan oleh Kementerian Pertanian maka menyebabkan takungan air di tempat tersebut tidak ada apa-apa rancangan hendak dibuat?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut pendapat Kementerian Pertanian kerja-kerja yang dicadangkan oleh Rancangan Barat Laut Selangor ini boleh dikatakan mencukupi bagi membekal pengairan yang memuaskan di persawahan Tanjung Karang. Soalnya kita menghadapi kesulitan, khususnya, pesawah-pesawah kita tidak mengikut jadual penanaman.

Yang kedua, kita akuihlah bahawa kita pada masa ini mengalami kekurangan dalam 'tertiary canal'. Jadi kita harap kita akan membaiki kemudahan-kemudahan ini supaya ianya lebih cekap dan pembaziran air itu dapat dikurangkan. Mungkin kalau langkah ini tidak berjaya kita akan kendalikan suatu cara yang mana kita akan memperolehi punca air tambahan dari Sungai Selangor.

**Tuan Ismail bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memandangkan empangan-

empangan air yang ada sekarang ini adalah bergantung kepada sumber hujan dan mengikut rekod khasnya di Kedah sejak 40 tahun dahulu sampai sekarang bererti tahun inilah yang paling kurang sekali hujan. Dengan ini, adakah ada apa-apa perancangan daripada pihak Kementerian Pertanian untuk mendapatkan sumber-sumber air bawah tanah dan jika ada, sejauh manakah perancangan-perancangan ini dapat menjamin keperluan pengairan ini?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan itu telah saya jawab apakala saya menyebut awal-awal tadi iaitu kajian penyelesaian sumber-sumber air kebangsaan sedang dijalankan dan ini dilaksanakan semata-mata untuk menaksir punca-punca air yang dapat diperolehi daripada sekarang hingga kepada tahun 2,000. Ertinya kita mencari di mana punca yang sesuai untuk mengatasi masalah ini.

Dan sukalah juga saya nyatakan sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi mengenai air ini kita bergantung kepada bekalan kolam, sungai-sungai dan hujan. Jadi hujan tidak ada. Saya rasa dengan cara kita meniyasat dengan lanjut sama ada punca air itu ada atau tidak ada dan seterusnya sebagai langkah micro, insya Allah saya rasa kita akan mendapat kejayaan.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bila beliau menyebutkan bahawa petani tidak mahu mengikut jadual. Bolehkah beliau terangkan kepada Dewan ini apakah sebab mengapa mereka tidak mahu mengikut jadual, dan kedua, apakah rancangan pihak Kementerian supaya mereka mengikut jadual?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Mengenai rancangan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini memerlukan tindak-tanduk dan usaha daripada ketua-ketua yang berada di kawasan itu dan juga seluruh rakyat sendiri sebab masing-masing mengetahui tujuan yang sebenar, iaitu untuk melahirkan satu produksi yang banyak. Maka kalau hendak melahirkan satu produksi yang banyak kita patutlah mengikut jadual yang tertentu.

## KEMAS—PERANANNYA

4. **Tuan Kamaluddin bin Maamor** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peranan KEMAS bagi melahirkan sikap ingin maju, berdaya-usaha serta berdikari di kalangan masyarakat desa tidak mendatangkan kesan yang boleh dibanggakan dan jika sedar apakah rancangan Kementerian ini bagi menentukan kejayaan matlamat KEMAS ini.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi matlamat Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menjadikan KEMAS sebagai sebuah agensi yang cekap dan berkesan untuk melahirkan semangat ingin maju, berdaya usaha, berdikari di kalangan masyarakat desa. Usaha ini merupakan usaha pembangunan kemanusiaan yang kejayaannya tidak dapat disukat secara hitungan. Untuk menentukan sama ada KEMAS berjaya atau tidak memainkan peranannya untuk menuju matlamat yang ditentukan adalah amat sukar. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya sikap masyarakat desa pada hari ini sudahlah berubah dan dapat menerima pembaharuan dan pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan. Malahan masyarakat desa rata-rata telah bekerjasama dengan pihak Kerajaan untuk menjayakan projek-projek pembangunan.

Apa yang sedang diusahakan oleh Kementerian untuk memastikan peningkatan tahap pencapaian kesan kerja KEMAS dan untuk menentukan kecekapan bekerja KEMAS supaya menjadi bertambah kemas ialah dengan mengadakan terus kursus-kursus dan latihan-latihan untuk anggota tenaga KEMAS. Sejak akhir-akhir ini KEMAS bukan sahaja sedang memperhebatkan lagi pelaksanaan rancangan-rancangan dengan menambahkan peserta-peserta rancangan tetapi juga memberi laporan bulanan yang merangkumi perkembangan positif dan negatif di dalam bidang kependudukan pembangunan dan kemasyarakatan. Semua laporan ini diwajibkan sampai ke Kementerian sebelum 10hb bagi laporan bulanan sebelumnya.

Mulai bulan Oktober, 1981 kakitangan KEMAS dalam tiap-tiap daerah telah mulai mengadakan perjumpaan bulanan pada pagi hari Khamis terakhir bagi tiap-tiap bulan dan jika hari Khamis itu jatuh pada hari cuti am maka perjumpaan bulanan ini hendaklah diadakan pada hari kerja terakhir sebelumnya.

Laporan bulanan yang disediakan oleh Penyelia KEMAS tidak dapat dibuat dengan sepenuhnya tanpa kegiatan yang cergas di pihak kakitangan KEMAS. Perjumpaan bulanan kakitangan KEMAS daerah pula dapat menentukan kelancaran kegiatan KEMAS setempat. Di dalam perjumpaan bulanan ini perkara-perkara berikut diketengahkan:

- (1) Masalah yang dihadapi dalam melaksanakan rancangan-rancangan dan cara-cara menyelesaikannya.
- (2) Contoh-contoh projek yang jaya dilaksanakan di satu-satu tempat dan rancangan untuk mengadakan projek yang sama di tempat lain.
- (3) Perbincangan program-program baru untuk dilaksanakan.
- (4) Membincangkan arahan-arahan dari ibu pejabat KEMAS dan Kementerian.

Kakitangan KEMAS telah diberitahu bahawa mereka akan diringankan dari beban bekerja jika mereka cuai alam tugas masing-masing atau engkar mematuhi sebarang arahan. Tindakan disiplin telah, sedang dan akan diambil untuk memastikan KEMAS menjadi agensi yang berdisiplin, cekap dan kemas. Oleh kerana kakitangan KEMAS turut bertanggungjawab dalam usaha mengubah sikap masyarakat desa maka pihak Kementerian telah memberi definisi yang jelas yang membezakan antara pemimpin, pengacau, pekerja biasa dan pejuang. Pemimpin-pemimpin di dalam KEMAS adalah penyelesaian masalah. Pembuat masalah bagi KEMAS adalah pengacau dan bukan pemimpin. Seseorang yang bekerja dengan mendapat ganjaran yang setimpal hanyalah pekerja biasa yang sedang makan gaji. Seseorang yang ingin menjadi pejuang hendaklah mengorbankan sesuatu masa, tenaga, benda dan fikiran untuk kepentingan

umum tanpa mendapat sebarang upah atau ganjaran. Dalam perjuangan perlu ada pengorbanan. Semua kakitangan KEMAS dihalang dari menjadi pengacau. Sebaliknya, dikehendaki meningkatkan diri dari tahap makan gaji kepada memainkan peranan sebagai pemimpin masyarakat yang sanggup berjuang. Dengan arah tujuan dan peranan yang jelas, tidak ada sebab bagi KEMAS untuk menghadapi kegagalan dalam usahanya. Pihak Kementerian akan memastikan kejayaan, insya Allah.

**Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita mendengar Yang Berhormat Menteri telah melancarkan satu projek industri kecil di seluruh negara. Jadi, saya ingin bertanya sama ada pihak KEMAS juga akan diberi satu peranan yang positif untuk menjayakan perindustrian kecil itu di seluruh negara dan jika ya, saya ingin bertanya sama ada Penyelia KEMAS ataupun guru-guru KEMAS ini akan diberi latihan yang intensif lagi untuk menyediakan mereka bagi tujuan itu?

**Tuan Sanusi bin Junid:** Jawabnya tidak.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa orang kampung sekarang sudah mahu menerima pembangunan dan bukan sahaja mahu menerima pembangunan tetapi menuntut pembangunan dijalankan. Masalah sekarang ialah masalah kita menghadapi masalah dari kejayaan kempen-kempen yang dilancarkan oleh KEMAS dan sebagainya. Dalam hal pelajaran misalnya orang-orang kampung mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah tinggi tetapi asrama tidak cukup; dalam soal perubatan pula mereka sudah meninggalkan tradisi bomoh dan mahu berubat dengan hospital tetapi hospital tak cukup. Jadi, apakah peranan yang dimainkan oleh pihak KEMAS khasnya dalam memberitahu atau memberi feedback kepada pihak Kerajaan mengenai masalah kekurangan yang dihadapi oleh orang-orang kampung dalam hal ini.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Laporan dari KEMAS akan dimaklumkan kepada jabatan-jabatan berkenaan.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri tentang tugas baru yang dibuat oleh KEMAS. Umpamanya, dalam negara kita ini banyak pembangunan telah dibuat tetapi pembangunan terbiar seperti balairaya terbiar, masjid tak ada orang sudi hendak sembahyang di dalamnya dan sebagainya. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan kerja kejayaan KEMAS, bolehkah beliau memberitahu Dewan ini bahawa salah satu tugas KEMAS hendaklah mencari projek yang terbiar atau tergendala yang tidak dapat diikuti oleh rakyat supaya diperbaiki dan dimajukan.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Memang itu kerja KEMAS.

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Saya sungguh seronok apabila KEMAS dimaklumkan oleh Menteri tadi untuk mengemas benda yang telah kemas dan dijawab pula oleh seorang Menteri yang begitu kemas dan lengkap.

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Soalan tambahan lagilah (*Ketawa*).

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya di dalam KEMAS ini banyak bahagian iaitu KEMAS, TADIKA, KEMAS Ugama dan sebagainya. Adakah Menteri sedar bahawa di antara banyak-banyak KEMAS itu cara pembayaran gaji mereka adalah tidak sama. Kalau sedar, bagaimana hendak mengatasi umpamanya KEMAS Ugama dengan KEMAS biasa, bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu luar daripada soalan asal.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, masalah kejayaan KEMAS itu tiada siapa pun boleh dapat menafikan. Soalan tambahan saya adakah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bercadang supaya Jabatan KEMAS yang ada di tiap-tiap daerah hendak dibekalkan dengan Landrover supaya Ketua Penyelia KEMAS itu dapat bergerak lebih cergas lagi bagi kejayaan tugas-tugas mereka.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Saya tidak percaya dengan cara-cara yang memanjakan pegawai-pegawai KEMAS.

### PEGAWAI PERUBATAN/ DOKTOR—KEKOSONGAN

5. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan jawatan-jawatan dalam perkhidmatan perubatan yang telah dinaikkan grednya, bilangan jawatan-jawatan ini yang dipenuhi dan sebab-sebab mengapa banyak kekosongan ini tidak dipenuhi meskipun terdapat doktor-doktor yang berkelayakan dan berpengalaman untuk memenuhi kekosongan-kekosongan tersebut dan itulah sebabnya ramai doktor-doktor meninggalkan perkhidmatan Kerajaan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada urusan khas yang dijalankan pada tahun yang lalu untuk pentarafan semula gred jawatan pegawai-pegawai perubatan sejumlah 97 jawatan telah dinaikkan taraf. Dari jumlah ini sebanyak 61 jawatan telah dipenuhi dan 36 jawatan masih kosong. Daripada ini, 21 jawatan akan diisi setelah urusan kenaikan pangkat calon-calon berkaitan diselesaikan tidak lama lagi. 15 jawatan yang lain tidak dapat diisi oleh kerana tidak ada calon yang layak. Angka-angka ini tidak termasuk jawatan-jawatan naik pangkat yang sedia ada. Tidak ada bukti bahawa perletakan jawatan pegawai-pegawai perubatan ada kaitan dengan urusan kenaikan pangkat ke jawatan-jawatan yang kosong itu. Antara 290 pegawai-pegawai pentadbir perubatan yang telah meletak jawatan sejak tahun 1980 sehingga sekarang, hanya 17 yang layak untuk naik pangkat dan mereka ini telah pernah menolak tawaran untuk kenaikan pangkat itu. Bagi doktor-doktor pakar pula, terdapat 17 pegawai yang telah meletak jawatan dalam masa yang sama dan didapati antara mereka itu 2 pegawai pernah tolak tawaran naik pangkat, 1 telah dikenakan tindakan tatatertib, 5 belum layak untuk naik pangkat, 2 telah meletak jawatan setelah naik pangkat, 4 telah meletak jawatan setelah diperakui naik pangkat dan 3 lagi telah meletak jawatan sebelum urusan menyemak semula gred jawatan dilakukan.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Timbalan Menteri berkenaan iaitu proses kenaikan pangkat itu mengambil masa sangat lama oleh sebab itu banyak doktor sangat tidak puas hati (frustrated) sebab itu banyak doktor letak jawatan. Dan adakah benar banyak kekosongan jawatan belum diisi itu oleh kerana Kementerian Kesihatan menunggu doktor yang berada di luar negeri yang belum balik lagi, doktor-doktor itu diharapkan apabila balik baru diisi jawatan itu. Adakah benar?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tidak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor dan pakar-pakar dan masalah kekosongan jawatan tersebut adakah pihak Kementerian Kesihatan atau Kerajaan ada rancangan untuk buat lagi satu kajian mengenai gaji-gaji doktor dan pakar. Sungguhpun gaji mereka tidak boleh dibandingkan dengan gaji atau pendapatan doktor sektor swasta tetapi lebih berhampiran, semacam sekarang seorang doktor yang tamat nasional service, kalau keluar selepas tiga tahun boleh dapat \$3,000 sebulan atau lebih daripada itu, tetapi kalau terus dalam perkhidmatan Kerajaan baru di tanggagaji \$1,700-\$1,800. Ini satu jurang yang sangat besar. Adakah Kerajaan bercadang untuk kurangkan jurang yang begitu besar ini di mana tanggagaji permulaan mungkin \$2,000-\$2,300 supaya menggalakkan lebih ramai doktor dan pakar boleh meneruskan perkhidmatan mereka?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, urusan semak semula gaji-gaji pegawai-pegawai Kerajaan baru selesai pada tahun yang lalu dan saya rasa jurang perbezaan gaji di antara pegawai-pegawai profesional tidak begitu banyak dan Kerajaan haruslah mewujudkan dan mempertahankan satu "relativity", dengan izin, di antara pegawai-pegawai profesional. Jadi dalam perkara itu adalah rumit untuk menaikkan gaji kumpulan doktor sahaja. Tetapi saya rasa apa yang menjadi soal pokok dalam perkara ini bukan gaji pada peringkat permulaan, tetapi kemungkinan mereka dapat naik pangkatnya dan itulah urusan yang kita sedang jalankan.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Oleh sebab masalah kekurangan doktor ini, walau apa sebab sekalipun, begitu dirasakan khususnya di kawasan-kawasan luar bandar, setakat manakah kejayaan Kerajaan dalam keputusannya untuk mengambil doktor-doktor dari luar negeri untuk mengisi kekosongan dan juga kekurangan tersebut.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka-angka yang tetap. Saya rasa pada masa ini lebih daripada 40 orang pegawai perubatan dari negara-negara asing sedang berkhidmat dengan Kerajaan dan kita pada masa ini sedang berusaha untuk mendapatkan lebih pakar-pakar perubatan.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan beritahu apakah standardnya untuk menaikkan gred atau jawatan doktor-doktor, sama ada ia mengikut kelayakan, kecekapan dan pengalaman atau mengikut cara ratio kaum.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kriteria langsung mengenai perkauman di dalam kenaikan pangkat. Kriteria yang digunakan untuk jawatan tingkatan-tertinggi pegawai-pegawai yang diberi pertimbangan adalah; satu, mestilah digezetkan sebagai pakar atau diwartakan sebagai pakar.

Kedua, mereka harus sudah selesai 5 tahun perkhidmatan dengan Kerajaan.

Ketiganya, mereka mestilah disahkan dalam perkhidmatan Kerajaan.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar bahawa kelambatan kenaikan pangkat bagi setengah doktor itu hanya dijadikan alasan untuk berhenti, yang sebenarnya mereka lebih mirip dan lebih cenderung untuk berhenti daripada bekerja dengan Kerajaan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Saya sudah jawab perkara itu tadi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapannya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan ada 40 orang doktor luar sedang berkhidmat di Malaysia pada masa ini. Soalan saya adakah pihak Kementerian ini bercadang hendak rekomen kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya memberi taraf kerakyatan kepada doktor-doktor yang berkhidmat dengan memuaskan supaya mereka jadi rakyat negeri ini dapat mengatasi sebahagian daripada masalah kekurangan doktor.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan doktor-doktor asing yang direkrutkan oleh kita, jawapannya pada setakat ini ialah "tidak", kerana jika mereka dapat kerakyatan pula mereka pun resign dan membuka klinik mereka sendiri.

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu daripada langkah Kerajaan untuk mengatasi kekurangan doktor ini ialah dengan memberi tugas yang sungguh berat kepada doktor-doktor di mana jadual mereka diberi jadual yang aktif dan tidak aktif, tetapi apa yang disungutkan oleh para doktor bahawa sewaktu mereka menjalankan tugas-tugas mereka mengikut jadual aktif ini, mereka tidak diberi elaun yang tertentu yang menyebabkan mereka dibebankan kerja dengan begitu berat, tetapi tidak memberi elaun overtime atau sebagainya. Adakah Kerajaan bercadang untuk menimbangkan kepada mereka elaun sewaktu mereka bekerja secara aktif?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya peraturan-peraturan yang digunakan mengenai overtime pada masa ini, pegawai-pegawai tingkat atasan ini tidak layak untuk menerima elaun overtime. Tetapi Kementerian sedang memberi perhatian kepada beberapa cara untuk meringankan beban kerja overtime dan lain-lain. Dalam perkara ini juga kita harus ingat bahawa soal pokoknya adalah kekurangan pegawai perubatan. Jika jumlah pegawai perubatan kurang pegawai yang ada terpaksa memikul beban kerja pegawai yang tidak ada di situ. Jadi usaha kita adalah untuk membesarkan lagi jumlah pegawai perubatan yang terdapat di perkhidmatan Kerajaan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan, Tuan Speaker. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan akan mempertimbangkan untuk mewujudkan beberapa jawatan baru untuk mengupgradakan jawatan-jawatan yang ada dalam perkhidmatan perubatan dan juga adakah peluang atau prospek untuk doktor yang sudah lama berkhidmat di perkhidmatan awam untuk further study di overseas, dengan izin, Tuan Speaker. Jadi adakah Yang Berhormat sedar adanya berlaku satu diskriminasi dalam pengambilan doktor di mana kita ada meminjam beberapa ramai doktor dari seberang laut, tetapi masih ada lebih kurang 50 orang doktor yang terdiri daripada foreign wives menurut rekod MMA, tetapi masih belum dikaji lagi?

**Dato' K. Pathmanaban:** Sebenarnya ada tiga soalan, Tuan Yang di-Pertua. Satu mengenai adakah kita bercadang untuk menaikkan pangkat jawatan-jawatan yang lain. Memang menjadi tujuan Kementerian untuk menaikkan taraf jawatan di beberapa peringkat yang lain, selain daripada 97 yang sudah pun dinaikkan tarafnya dalam satu tahun yang lalu.

Mengenai kemudahan untuk pegawai-pegawai perubatan yang belajar di luar negeri untuk mendapatkan ijazah post-graduate dan lain-lain, seperti saya menerangkan semalam, tahun hadapan kita akan menawarkan sebanyak 83 biasiswa untuk pegawai-pegawai perubatan dibandingkan dengan 33 yang terdapat pada tahun ini.

Mengenai isteri-isteri rakyat Malaysia, isterinya yang menjadi doktor tetapi bukan rakyat Malaysia atau penduduk tetap di negara Malaysia, saya telah menerangkan semalam bahawa Kementerian Kesihatan pada masa ini sedang memberi perhatian untuk menyerap mereka dalam jawatan Kerajaan.

#### KAD PENGENALAN SEMENTARA

**6. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kad Pengenalan Sementara boleh digunakan seperti Kad

Pengenalan biasa dalam mana-mana urusan sahaja dan adakah Kad Pengenalan Sementara ini sama harganya disegi nilai perundangan di masa-masa pilihanraya.

**Tuan Abul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan tidak mengeluarkan apa-apa dokumen yang diberi nama Kad Pengenalan Sementara.

#### BATU PERUSAHAAN

**7. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapakah peruntukan diberi kepada Jabatan Penyiasatan Kajibumi Rancangan Malaysia Keempat untuk mencari batu yang sesuai untuk pembangunan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Keempat Jabatan Penyiasatan Kajibumi tidak mempunyai peruntukan khas untuk mencari batu-batu perusahaan bagi tujuan pembina. Walau bagaimanapun, aktiviti mencari batu-batu perusahaan adalah merupakan sebahagian dari program kerja Jabatan ini yang dijalankan di bawah Peruntukan Belanjawan Berulang.

#### PECAH BELAH DALAM MASYARAKAT ISLAM

**8. Tuan Ismail bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan apakah satu tindakan tegas yang diambil oleh pihak Kerajaan supaya sebarang perkara yang menimbulkan pergaduhan atau pecah belah di dalam masyarakat Islam di negeri ini yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu dan tidak bertanggungjawab sehingga ini.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar ada berlakunya kejadian kekecohan di kalangan masyarakat Islam di negara ini akibat daripada kegiatan pemulauan dan sebagainya yang dilakukan oleh setengah-setengah pihak yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan sentiasa mengawasi dengan rapi setiap kegiatan dan perkembangan ini dari masa ke semasa.

Kerajaan juga akan mengambil tindakan tegas menurut Perlembagaan dan undang-undang negara dan tidak akan bertolak-ansur terhadap sesiapa sahaja yang bertanggungjawab melakukan apa sahaja kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Kepada sesiapa yang tidak bertanggungjawab ini. Kerajaan ingin memberi amaran keras supaya memberhentikan kegiatan-kegiatan itu dengan segera sebelum ia berpanjangan dan sampai kepada peringkat yang boleh mengancam keselamatan negara.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan lebih tepat dalam jawapannya yang menyebut tadi setengah-setengah pihak yang tidak bertanggungjawab yang menimbulkan pergaduhan ataupun kacau-bilau dalam masyarakat Islam ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri menamakan puak-puak atau kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab itu dalam Dewan ini?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, menurut apa yang public sudah ketahui dalam akhbar-akhbar dan lain-lain punca lagi iaitu orang-orang yang dikatakan tidak bertanggungjawab mengadakan isu-isu yang boleh memecah-belahkan umat Islam adalah dari golongan politik parti Pembangkang dalam negara ini dan saya rasa semua kita tahu orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini telah pun disiasat dan dikaji apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap perbuatan mereka kerana ini menyentuh keselamatan negara.

**Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri menerangkan bahawa Kerajaan sentiasa memerhati dan mengawal dan tidak menafikan adanya puak-puak yang cuba memecah-belahkan di kalangan umat Islam. Soalan saya adakah di dalam siasatan pihak Kerajaan bahawa keadaan ini berlaku ada hubungannya dengan keadaan di luar negeri terutama sekali negara-negara Islam yang bergolak di Iran, Libya, Syria, Mesir dan lain-lain?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum dapat kita kesan ada unsur-unsur pengaruh dari luar negeri.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan iaitu oleh kerana perkara ini perkara yang serius, bolehkah beliau menerangkan apakah yang dilakukan oleh mereka sehingga mereka dianggap sebagai orang yang memecah-belahkan masyarakat. Apakah isu yang ditimbulkan oleh mereka dan apakah yang dilakukan oleh mereka sebenarnya?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soal ini adalah soal dari segi Islam, soal orang yang melakukan perbuatan yang saya katakan tadi boleh memecah-belahkan umat Islam ialah hubungan mereka dengan Tuhan mereka sendiri, kerana setengah daripada mereka telah mengatakan kepada saudara Islamnya kafir kerana tidak mengikut hukum Allah dan ada setengahnya memulaukan masjid-masjid dan surau-surau di negeri-negeri yang tertentu dan inilah yang dikatakan gara-gara yang boleh memecah-belahkan umat Islam. Dari saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, iaitu Kerajaan memandang berat dari sudut keselamatan, sebab apa sahaja pun yang dikatakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab itu adalah mereka itu dengan Tuhan mereka sendiri dan apa yang mereka kata itu kalau sekiranya tidak benar, perkataan kafir-mengkafir itu akan kembali kepada mereka sendiri. Jadi bagi Kerajaan, Kerajaan memandang berat dari segi keselamatan negara dan kalau negara sudah tidak selamat, pembangunan apa sahaja pun tidak dapat dijalankan termasuklah pembangunan agama itu sendiri.

#### JABATAN AMALAN AM DI UNIVERSITI MALAYA/UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

**9. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada memandang betapa pentingnya rawatan kesihatan asas (primary health care), sebuah jabatan amalan am akan ditubuhkan di sekolah-sekolah perubatan

Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan; jika ya, bilakah ia akan ditubuhkan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menubuhkan Jabatan Amalan Am di Fakulti-fakulti Perubatan di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia menyediakan dalam bidang ini ada termasuk dalam kurikulum Jabatan Kesihatan Masyarakat. Walau bagaimanapun, untuk masa hadapan Kementerian akan mengkaji sama ada Jabatan itu perlu ditubuhkan atau tidak sekiranya Kementerian menerima cadangan-cadangan rasmi daripada kedua-dua universiti berkenaan kelak.

#### INDUSTRI KECIL

**10. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh mana usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan industri-industri kecil di negara ini dan seterusnya merujuk industri-industri ini sehingga ke peringkat antarabangsa.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini adalah hampir sama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada hari semalam dan dalam jawapan saya kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga jawapan kepada soalan-soalan tambahan, saya telah menyentuh kepada perkara-perkara yang telah ditimbulkan dalam soalan ini dan saya tidak bercadang untuk menambah kepada jawapan itu.

#### PENDATANG HARAM—MENCEGAH

**11. Tuan Sibat Miyut anak Tagong** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada pendatang-pendatang haram yang telah berkahwin dengan wanita Malaysia harus diberikan peluang untuk tinggal tetap di Sarawak kerana sebilangan

besar dari mereka terutamanya di Bahagian ke 7 telah mempunyai ramai anak dan tinggal pula di rumah-rumah panjang serta mereka tidak ada rancangan untuk pulang ke tempat lahir mereka, kerana mereka telah tinggal di Sarawak beberapa tahun lamanya.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang hampir sama maksudnya telah pun diberi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di Dewan yang mulia ini pada 28-10-1981 semasa menjawab soalan dari Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Saya tidak ada apa-apa perkara baharu untuk ditambah.

#### EKSPLOITASI TERHADAP PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

**12. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah yang sedang diambil oleh Menteriannya untuk mencegah eksploitasi ke atas pelajar-pelajar Malaysia oleh agensi-agensi pelajaran swasta yang berusaha mendapatkan pelajar-pelajar Malaysia belajar di negara-negara seperti Kanada, Britain dan Amerika Syarikat. Nyatakan sama ada Kerajaan akan memperkenalkan peraturan-peraturan untuk melindungi semua pelajar tempatan daripada dimasukkan ke dalam sekolah-sekolah seberang laut yang rendah mutu pengajian dan pembelajaran.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memandang berat atas eksploitasi seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Oleh itu arahan telah dibuat supaya satu tindakan diambil oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mengawal agensi-agensi ini serta mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka.

Dalam hubungan ini Kementerian Pelajaran telah membentuk satu Jawatankuasa yang terdiri daripada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan seperti Kementerian Buruh

dan Tenaga Rakyat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, wakil Pendaftar Syarikat, wakil Pendaftar Perniagaan, Polis, Perbadanan Kemajuan Pelancungan, Imigresen, pegawai Undang-undang dan pegawai-pegawai daripada Kementerian Pelajaran bagi membincangkan dan meneliti dengan secara mendalam masalah-masalah yang dihadapi dan mencari penyelesaian ke atasnya.

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat beberapa kali dan telah mengesyorkan supaya satu undang-undang untuk mengawal agensi-agensi dan agen-agen seperti ini digubalkan oleh kerana agensi-agensi dan agen-agen pelajaran tidak tertakluk di bawah Akta Pelajaran.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, di antara langkah-langkah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya suka mendapat tahu adakah Kementerian Pelajaran memberi satu arahan kepada semua Kedutaan Malaysia, misalnya di Kanada, di Amerika Syarikat dan lain-lain negeri untuk mengarahkan mereka menyiasat tentang institusi-institusi pelajaran tinggi di negara itu untuk menentukan bahawa apa-apa maklumat yang disampaikan ke negara ini melalui agensi mereka adalah benar.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kedutaan-kedutaan ditempatkan di ibu kota Kuala Lumpur ini semua sudah tahu perkara ini oleh kerana perkara ini pun sudah beberapa kali disebarkan dalam suratkhbar-suratkhbar tempatan yang mana ramai ibu bapa sudah buat tuntutan atau aduan dalam suratkhbar. Memang sekarang tentu tahu hasrat kita dan cita-cita daripada Ibu bapa sekalian, ini saya fikir mereka tentu tahu dan akan berhati-hati dalam perkara ini khasnya maklumat untuk menempatkan pelajar-pelajar dalam negara masing-masing.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Adakah Kementerian Pelajaran akan memperuntukkan iaitu sebelum sesebuah agensi atau wakil universiti-universiti atau kolej seberang laut diizinkan membuat advertisement di suratkhbar-suratkhbar

tempatan atau majalah atau diizinkan untuk menghantar wakilnya masuk ke Malaysia ia perlu mendapat satu permit atau kebenaran daripada Kementerian Pelajaran supaya satu sukatan dan kontrol boleh diadakan untuk memperlindungi kepentingan anak-anak Malaysia.

**Dato' Chan Siang Sun:** Berbalik kepada jawapan saya tadi oleh kerana buat masa sekarang kita tiada satu Rang Undang-undang untuk mengawal kegiatan seperti ini oleh sebab itulah Jawatankuasa sudah dibentuk dan Jawatankuasa ini akan mengemukakan "findings" kepada Kerajaan supaya satu Rang Undang-undang yang berasingan daripada Akta Pelajaran dapat diadakan untuk mengawal aktiviti ini.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan tiada Akta yang boleh mengawal. Saya ingin bertanya kepada beliau masalah yang kita hadapi sekarang ialah penindasan (exploitation) terhadap pelajar-pelajar kita. Bolehkah beliau menerangkan dalam Dewan ini apakah penindasan ini tidak boleh diambil tindakan menerusi undang-undang yang sedia ada dalam negara kita ini. Bolehkah tidak dibuat tindakan di bawah undang-undang lain terhadap exploitation yang diakui sendiri oleh Kementerian tadi?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saya jelaskan tadi buat masa sekarang tidak ada satu Rang undang-undang untuk mengawal aktiviti itu. Oleh sebab itulah dalam Jawatankuasa ini kita sudah mengadakan pegawai-pegawai daripada Jabatan Peguam Negara dan juga Jabatan lain khasnya Polis dan sebagainya supaya dapatlah kita membuat satu Rang undang-undang dinamakan barangkali "Rang Undang-undang Mengawal Agensi Pelajaran" atau nama semacam itu untuk maksud itu. Tetapi buat masa sekarang kita tidak ada satu Rang Undang-undang untuk mengawal aktiviti semacam yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

## PENDERMA DARAH

**13. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada

beliau sedar bahawa sebahagian besar dari penderma-penderma darah adalah terdiri dari kaum Bumiputera iaitu anggota-anggota tentera, polis, rela, pegawai-pegawai rendah, dll., dan jika ya, nyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengadakan sebuah kempen secara besar-besaran untuk menarik kaum bukan Bumiputera menderma darah.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pada masa ini, sebahagian besar penderma darah adalah dari kaum Bumiputera dan kebanyakannya adalah anggota-anggota tentera, polis dan lain-lain, yang menjadi penderma darah "regular" kepada hospital-hospital kita. Walau bagaimanapun, saya suka memaklumkan bahawa bilangan penderma-penderma darah dari kaum bukan Bumiputera telah kian meningkat juga dari 20,533 orang pada tahun 1975 kepada 34,329 orang pada tahun 1980. Peratus kenaikan penderma darah di kalangan bukan Bumiputera dalam 5 tahun yang lalu adalah lebih besar, jika dibandingkan dengan penderma kaum Bumiputera. Trend ini adalah amat menggalakkan. Publisiti yang berterusan sentiasa dijalankan oleh kakitangan Bank Darah, agensi-agensi sukarela, pihak akhbar dan lain-lain untuk menggalakkan pendermaan darah dari semua kaum di negara ini.

**Tuan Lim Cho Hock:** Oleh kerana kita di Parlimen pemimpin rakyat jelata, bolehkah Kementerian mencadangkan supaya setiap Ahli Parlimen memberi satu pint darah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu di luar daripada soal asal. Yang kurus-kurus macam mana hendak beri sampai satu pint? (*Ketawa*).

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang hendak mengkaji sebab dan musabab orang-orang bukan bumiputera agak keberatan hendak menderma darah dan adakah ini bersabit dengan kepercayaan tradisi mereka atau semata-mata takutkan darah mereka habis dan sebagainya dan adakah pihak Kementerian bercadang hendak membuat kajian, penyiasatan dan mencari jalan untuk

menghapuskan kepercayaan-kepercayaan yang tidak berasas itu.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, susah saya hendak menyasat sebab-sebab orang memberi atau tidak menderma darah. Tetapi suka saya mengatakan bahawa kebanyakan keturunan bumiputera yang mendermakan darah itu adalah terdiri daripada anggota-anggota tentera, polis dan lain-lain kumpulan yang teratur (organised) dan mereka mungkin ada kebiasaan untuk aktiviti-aktiviti seperti itu yang dapat diatur secara kemas dan kebanyakan penderma-penderma darah dari kaum lain juga terdapat dari kumpulan-kumpulan yang tertentu yang teratur (organised) dan mereka mengambil peluang dari masa ke semasa untuk mengaturnya "blood donation a must". Memanglah Kementerian Kesihatan mengadakan beberapa publisiti untuk menarik lebih ramai orang kepada usaha-usaha untuk menderma darah dan memang publisiti ini menegaskan bahawa penderma darah itu tidaklah satu yang merbahaya ataupun membawa akibat-akibat yang buruk. Sebenarnya Ahli-ahli Parlimen juga telah banyak kali menderma darah tetapi usaha itu tidak mendapat sambutan yang begitu besar daripada Ahli-ahli Parlimen pada masa ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Ipoh boleh mulakan (*Ketawa*).

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan cara untuk menarik lebih ramai orang menderma darah ialah dengan membuat publisiti melalui akhbar-akhbar. Saya fikir itu tidak memadai dan saya ingin mendapat tahu apakah faedah cara individu kepada penderma-penderma darah ini telah diberi untuk meningkat atau menambah galakan kepada penderma misalnya kepada penderma yang telah menderma 10 atau 20 kali diberi keutamaan kepada individu atau kepada keluarga ini mendapat rawatan di hospital dan sebagainya. Adakah Kementerian bercadang hendak berbuat begitu.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, faedah kepada seorang individu mendermakan darahnya adalah faedah yang tidak dapat dikira dengan wang atau kemudahan tertentu yang lain kerana itu adalah meningkatkan semangat persaudaraan di kalangan rakyat dan semangat bantu membantu kepada saudara mara mereka dan rakyat Malaysia sendiri. Memang Kementerian telah mewujudkan beberapa keutamaan kepada penderma-penderma darah seperti pemberian medal, kemudahan rawatan di hospital dan lain-lain. Memang kemudahan seperti itu diteruskan. Kita bersedia untuk mengkaji cara-cara yang lain juga dalam perkara ini.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, apabila mendengar jawapan-jawapan berhubung dengan penderma-penderma darah ini saya mohon bertanya dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bagaimana kedudukan bekalan darah negara ini, mencukupi ataupun kekurangan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, bekalan darah di Bank-bank Darah di hospital-hospital negara ini sentiasa tidak cukup dan pada masa cuti minggu atau hujung minggu, hari-hari perayaan dan lain-lain keadaan stok bekalan darah itu adalah amat kekurangan dan Kementerian terpaksa mencari jalan untuk menarik lebih ramai lagi orang untuk menderma darah.

#### PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PULAU PINANG JUMLAH HUTANG

**14. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah amaun principal dan faedah yang dihutang oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan, dan pembayaran balik mana-mana pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, pinjaman untuk projek-projek yang dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang tidak diberi secara

langsung oleh Kerajaan Persekutuan kepada Perbadanan tersebut tetapi dilakukan melalui Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian, hutang Perbadanan ialah dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan tidak dengan Kerajaan Persekutuan. Setakat 31hb Disember, 1980 jumlah pinjaman yang masih belum selesai yang telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi projek-projek Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Pinjaman pokok .. ..	\$68.887 juta
Faedah .. .. .	\$10.243 juta
<b>JUMLAH PINJAMAN ..</b>	<b>\$ 79.13 juta</b>

**Tuan Peter Paul Dason:** Tuan Speaker, bolehkah Timbalan Menteri Kewangan memberitahu adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang gagal untuk membuat bayaran secara ansuran pinjaman-pinjamannya. Jika ya, apakah sebab yang diberi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk kegagalan-kegagalan tersebut.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, selama ini Kerajaan Pulau Pinang telah membayar balik beransur-ansur pinjaman yang telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan.

#### PERISTIWA KAPAL "HAI HONG"— ORANG TAHANAN

**15. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana terlibat dengan peristiwa kapal "Hai Hong" yang mengangkut pelarian-pelarian Vietnam, dan nyatakan kedudukan mereka sekarang.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang terlibat dengan peristiwa kapal Hai Hong adalah seramai 3 orang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ketiga-tiga mereka telah pun dibebaskan.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Speaker, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar apabila orang-orang kapal Hai Hong kena tahan terdapat beberapa ketul emas daripada mereka dan saya ingin tahu ketul-ketul emas itu akan dirampas oleh Kerajaan kita ataupun dipulangkan kepada orang-orang tahanan itu. Kalau dirampas oleh Kerajaan kita berapakah harga emas itu dan kalau hendak dipulangkan kepada orang-orang tahanan itu, sudahkah dipulangkan atau belum?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu luar daripada soalan asal. Yang Berhormat Tuan Haji Ampong bin Puyon.

*(Soalan No. 16 Y.B. Tuan Haji Ampong bin Puyon tidak hadir)*

#### JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA—PERAKUAN

**17. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah jabatan-jabatan Kerajaan di mana terdapat amalan-amalan curang dan penyelewengan sepertimana terdapat dalam Laporan Ketua Audit Negara dan sama ada Kerajaan telah melaksanakan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen, dan bilangan pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib akibat perakuan-perakuan tersebut.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jumlah bilangan Jabatan-jabatan Kerajaan di mana terdapat amalan-amalan curang dan penyelewengan boleh didapati dari Laporan Ketua Audit Negara yang berkenaan maka tidaklah perlu bagi saya menyatakan di sini. Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada laporan yang berkenaan untuk mendapatkannya.

Berkenaan dengan perakuan-perakuan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara daripada 45 perakuan yang masih perlu dilaksanakan bagi kira-kira tahun 1966 hingga 1971 sebanyak 36 atau 86% daripada perakuan-perakuan tersebut telah dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak Kerajaan. Tindakan telah pun diambil untuk melaksanakan sebahagian besar

perakuan-perakuan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mengenai kira-kira tahun 1972 hingga 1974.

Memorandum Perbendaharaan mengenai Kemajuan pelaksanaan perakuan-perakuan bagi kira-kira tahun 1972 dan 1973 telah pun dikemukakan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Memorandum Perbendaharaan mengenai kemajuan ke atas perakuan mengenai kira-kira tahun 1974 akan dikemukakan kepada Jawatankuasa tersebut tidak berapa lama lagi.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun memberi penjelasan mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membetulkan segala kelemahan seperti yang disebutkan dalam Laporan Ketua Audit Negara ketika beliau menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 12hb Oktober, 1981. Di samping itu Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan juga telah memberi huraian mengenai perkara yang sama ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Baling pada 6hb Oktober, 1981.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 16 dan 18 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).*

#### HARGA LADA HITAM

**2. Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada berkenaan dengan kemerosotan harga lada hitam Kerajaan akan mengambil tindakan untuk memelihara harga yang berpatutan kepada penghasil-penghasil atau mengambil langkah-langkah lain untuk meringankan kesusahan petani-petani lada hitam.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):** Soalan ini telah pun saya jawab di Dewan Yang Mulia ini pada 27hb Oktober, 1981 yang lalu iaitu semasa menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Wong Hoong Keat. Walau bagaimanapun,

saya suka untuk menambah bahawa Jumaah Pemasaran Lada Hitam sedang mengambil langkah untuk melaksanakan satu skim pembelian terus dari penanam-penanam pada tingkat harga yang lebih baik untuk membolehkan dan membantu penanam-penanam meneruskan usaha tanaman lada mereka.

Di samping itu Kerajaan juga telah dan sedang mengambil langkah membantu penanam-penanam lada melalui pemberian subsidi baja sebanyak 50 peratus untuk tanaman-tanaman baru dan juga subsidi untuk lain-lain input pengeluaran yang terlibat semasa penanaman. Langkah selanjutnya yang telah diambil oleh Kerajaan ialah mengurangkan duti eksport lada di mana berdasarkan kepada struktur duti eksport yang berkuatkuasa sekarang segala eksport lada hitam adalah tidak dikenakan cukai kerana tingkat harganya yang rendah di pasaran dunia. Segala langkah-langkah dan usaha yang telah diambil oleh Kerajaan ini adalah sebagai ikhtiar yang bersungguh-sungguh untuk melindungi dan membantu penanam-penanam lada di negara ini.

#### ANGGOTA POLIS—TINDAKAN DISIPLIN

**16. Tuan Haji Ampong bin Puyon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa ramaikah anggota polis yang telah diambil tindakan disiplin termasuk yang dibuang kerja atas berbagai kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan dan daripada jumlah ini berapa orang pegawai yang terlibat.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato Musa Hitam):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 1979 sehingga bulan September tahun 1981, seramai 6,651 anggota-anggota pasukan polis telah dikenakan tindakan tatatertib dan seramai 263 orang daripadanya telah dibuang kerja. Daripada angka tersebut seramai 196 orang pegawai polis, iaitu dari pangkat Inspektor ke atas telah dikenakan tindakan tatatertib dan 12 orang darinya telah dibuang kerja.

#### TUITION FEES—PELEPASAN CUKAI

**18. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa memandangkan pentingnya untuk mendapatkan pelajaran tinggi dan oleh kerana kurangnya tempat-tempat di universiti-universiti tempatan, sama ada Kerajaan akan menimbangakan pelepasan cukai tuition fees bagi penuntut-penuntut universiti persendirian tanpa mendapat apa-apa scholarship oleh mana-mana pihak dan oleh kerana pelepasan cukai bagi tanggungan anak yang pertama cuma \$750 didapati adalah terlalu kecil berdasarkan keadaan hidup sekarang, sama ada Kerajaan akan menimbangakan secara adil merit tiap-tiap satu kes akan bebanan ibu bapa yang menyara anak-anaknya di luar negeri di mana mereka itu akan menjadi asset kepada negara kelak. Jadi tidak, mengapa.

**Menteri Kewangan (Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah):** Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan menimbangakan secara adil merit tiap-tiap satu kes berkenaan bebanan ibu bapa yang menyara anak-anak yang dihantar keluar negeri sungguhpun baik pada tujuan adalah tidak sesuai dari segi praktiknya dan dari segi dasar. Cadangan ini akan menambahkan beban dan kos pentadbiran yang tidak seimbang dengan kemanfaatan yang diberi. Sayugia diingat Kerajaan telah pun menaikkan kadar pelepasan untuk tanggungan anak-anak yang dihantar melanjutkan pelajaran ke luar negeri kepada empat kali ganda kadar pelepasan untuk anak-anak. Ini bermakna untuk anak pertamanya yang belajar di luar negeri pelepasan yang diperolehinya ialah \$3,200 berbanding dengan \$800 sekiranya anak itu berada di dalam negeri. Kerajaan hanya dapat memberi pelepasan cukai yang sama rata sahaja dan tidak dapat memberi pelepasan mengikut tiap-tiap satu kes untuk kesemua perbelanjaan tuition seperti yang Ahli Yang Berhormat cadangkan. Selain dari sebab pentadbiran, ini ialah kerana dasar Kerajaan ialah untuk hanya membantu dan tidaklah untuk membiayai sepenuhnya perbelanjaan tersebut.

## DUTI EKSPORT GETAH

**19. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar pengkajian semula duti ke atas getah tidak menguntungkan pekebun-pekebun kecil kerana getah mereka pada umumnya adalah bermutu rendah tetapi sebaliknya menguntungkan pemilik-pemilik ladang-ladang dan sama ada pekebun-pekebun kecil boleh diberi bantuan dengan meningkatkan tahap harga di mana duti yang terpaksa dibayar dinaikkan dari 70 sen sepau sekarang kepada 85 sen.

**Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah:** Duti eksport getah yang dikenakan sekarang adalah berasaskan dua perkara:

- (i) Pertama, duti dikenakan hanya ke atas harga yang melebihi kos pengeluaran; dan
- (ii) Kedua, harga warta yang digunakan untuk pengiraan duti adalah harga getah gred RSS1, RSS3 atau SMR20 bergantung kepada mutu getah yang dieksport.

Kerajaan memang sedar bahawa kebanyakan getah yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil adalah bermutu rendah. Oleh sebab itulah maka kos pengeluaran pekebun kecil yang lebih tinggi daripada estet digunakan sebagai harga permulaan untuk pengiraan duti eksport getah dan harga yang diwartakan tidak lagi dihadkan kepada harga gred getah RSS1 sahaja yang tinggi mutunya tetapi juga harga gred getah RSS3 dan SMR20 iaitu gred-gred yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil bagi menolong mereka. Dengan cara ini, pekebun-pekebun kecil membayar duti eksport yang lebih rendah berbanding dengan estet-estet.

Mengenai soalan harga permulaan yang ada sekarang sebanyak 70 sen sepau dinaikkan kepada 85 sen sepau, Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kita telah pun mengamalkan konsep 'cost-plus' dalam penentuan harga di mana cukai akan

dikenakan dan tahap 70 sen sepau itu baru sahaja dinaikkan pada bulan Ogos, 1981. Walau bagaimanapun, seperti yang telah saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini kos pengeluaran getah yang menentukan harga permulaan itu akan dikaji dari semasa ke semasa dan angka kos baru akan diambilkira apabila sampai masanya untuk menyemak pengiraan duti eksport getah.

## PELABUR/PENGILANG LUAR NEGERI—SYARAT

**20. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah cara-cara dan syarat-syarat yang biasa dikenakan ke atas pelabur-pelabur/pekilang-pekilang luar negeri yang membuka perusahaan mereka di negara ini dan nyatakan jumlah keuntungan yang disalurkan ke luar negeri (dari Malaysia) oleh mereka ini semenjak tahun 1977.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Sesuatu permohonan baik dari pengusaha tempatan mahupun pengusaha luar negeri adalah dianalisis mengikut beberapa ciri, antaranya adalah seperti berikut:

- (a) Kapasiti Pengeluaran
- (b) Pelaburan dan Kewangan
- (c) Struktur Ekuiti
- (d) Struktur Gunatenaga
- (e) Analisa Mengenai Penggunaan Bahan Tempatan
- (f) Pendapatan Simpanan dari Pertukaran Mata Wang Asing
- (g) Nisbah Modal/gunatenaga
- (h) Keuntungan Projek
- (i) Analisa Mengenai Pasaran

Setelah sesuatu projek itu didapati sesuai barulah syarat-syarat dikenakan yang meliputi bidang-bidang struktur ekuiti, struktur gunatenaga, perlantikan ahli Lembaga Pengarah, penggunaan bahan-bahan mentah

3.37 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran serta syor-syor yang membina terhadap Jabatan Perdana Menteri semasa perbahasan mengenai dasar belanjawan 1982.

Saya sedar setengah-setengah teguran serta pandangan-pandangan telah dijawab sama ada semasa soal jawab mulut ataupun semasa membahar Rang Undang-undang. Dengan yang demikian, saya akan hanya menjelaskan beberapa perkara yang penting yang perlu dijelaskan dan lain-lain teguran serta cadangan akan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menyebut mengenai pengisytiharan harta oleh Yang Berhormat Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri, Ahli-ahli EXCO dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan mendakwa bahawa borang yang diedarkan mempunyai kelemahan (loop-holes) yang dapat digunakan bagi melepaskan diri. Beliau menyebut bahawa pengisytiharan yang dibuat tidak termasuk harta benda yang dimiliki oleh anak-anak yang cukup umur, saham-saham luar dan akaun bank di luar negeri. Kelemahan yang paling besar yang didakwa ialah pengisytiharan termasuk tidak dikebelakangan (back dated) untuk sesuatu tempoh yang tertentu.

Ini bermakna sebelum pengisytiharan dibuat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sesuatu harta boleh dijual atau dipindah milik kepada orang lain. Juga pengisytiharan harta-benda ini hanya dibuat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Sebagai menjawabnya, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling bahawa Jabatan Perdana Menteri akan mengambil perhatian di atas perkara-perkara yang dikemukakan serta

syor-syor untuk memperbaiki bentuk borang pengisytiharan harta tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga meminta agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengkaji semua mengenai kawalan dan tanggungjawab Parlimen terhadap PETRONAS di mana seolah-oleh tidak ada kawalan yang rapi. Beliau seterusnya meminta agar PETRONAS melaporkan aktiviti tahunannya kepada Parlimen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974, PETRONAS diletakkan di bawah kawalan dan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Parlimen mengenai perkara-perkara berkenaan dengan polisi dan pengurusan syarikat. Majlis Penasihat Petroleum Negara (NPAC) yang diwujudkan di bawah Akta yang sama juga menasihati Perdana Menteri di atas polisi-polisi mengenai dengan Petroleum dan juga polisi-polisi yang berkaitan dengan PETRONAS. Sejak tahun 1979 Jawatankuasa Kabinet mengenai tenaga telah ditubuhkan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri untuk meneliti perkara-perkara mengenai tenaga secara am dan seterusnya perkara-perkara yang melibatkan PETRONAS.

Mengenai tanggungjawab berkenaan kewangan, PETRONAS seperti syarikat-syarikat berdaftar yang lain memajukan kira-kira tahunannya kepada Pendaftar Syarikat-syarikat. Kira-kira tahunan ini juga dimajukan kepada Perbendaharaan. Oleh yang demikian, kawalan Kerajaan di atas PETRONAS adalah mencukupi dan didapati tidak perlu disyaratkan PETRONAS memajukan laporan tahunan mengenai aktiviti-aktivitinya kepada Parlimen.

Ahli Yang Berhormat patut juga sedar betapa tidak menasabahnya mensyaratkan PETRONAS sebagai satu syarikat yang tunggal yang diperlukan melapor kepada Parlimen. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang amnya dan Ahli Yang Berhormat dari Petaling khususnya sering menimbulkan soal pelanggaran ikrar Dasar Ekonomi Baru dan mendakwa golongan tertentu telah dinafikan sesuatu.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah mengesyorkan supaya sebuah Suruhanjaya ditubuhkan untuk mengesan perjalanan segala usaha ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Berkaitan dengan cadangan itu suka saya menegaskan di sini bahawa sistem pengesanan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang ada sekarang adalah memuaskan. Dengan itu cadangan untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya adalah difikirkan tidak perlu.

Menyentuh tentang pembangunan luar bandar, ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat mengaitkan perkara ini dengan pegawai-pegawai di peringkat daerah. Antara lain Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas menyatakan bahawa kebolehan Ketua Jabatan yang mengendalikan projek itu adalah penting. Beliau juga menyentuh tentang ketiadaan penyelarasan pembangunan di luar bandar. Ahli Yang Berhormat dari Kangar menyeru supaya pegawai-pegawai ditambah serta menempatkan pegawai-pegawai yang berpengalaman.

Ahli Yang Berhormat dari Sri Gading pula mengesyorkan supaya Pegawai Daerah diberi kuasa penuh untuk menyelaras projek-projek pembangunan. Sebagai menjawabnya, memang tidak dinafikan bahawa faktor terpenting bagi menjayakan projek pembangunan terutama sekali di luar bandar adalah kebolehan dan keupayaan Ketua-ketua Jabatan Kerajaan di dalam mengendalikan pelaksanaan pembangunan tersebut. Dengan juga demikian, pengalaman dan kebolehan pegawai-pegawai di bidang pengurusan dan teknikal adalah diambil perhatian berat sebelum mereka dipilih untuk ditempatkan mengetuai jabatan masing-masing. Walau bagaimanapun, kerjasama dan penyertaan rakyat adalah tidak kurang pentingnya kerana pembangunan adalah proses dua hala yang melibatkan pemimpin dan rakyat.

Mengenai tuduhan Ahli Yang Berhormat tentang ketiadaan penyelarasan pembangunan di luar bandar, suka saya menafikan tuduhan tersebut sebagai tidak benar. Untuk memastikan penyelarasan yang cekap di dalam melaksanakan projek

pembangunan terutama di luar bandar Kerajaan telah menubuhkan institusi yang tertentu seperti Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Daerah. Di samping itu pentadbiran daerah yang diketuai oleh Pegawai Daerah adalah memainkan peranan yang penting menyelaraskan pelaksanaan.

Mengenai syor supaya kuasa penuh diberi kepada Pegawai Daerah untuk menyelaras projek-projek pembangunan, sukalah dijelaskan sebenarnya Pegawai Daerah adalah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Tindakan Daerah. Di atas sifat ini, seorang Pegawai Daerah itu telah sedia mempunyai kuasa penuh untuk menyelaraskan projek-projek pembangunan. Bidang kuasa Pegawai Daerah sebagai Pengerusi Jawatankuasa tersebut telah dijelaskan melalui arahan-arahan Kerajaan mengenai peranan Pegawai Daerah dalam pelaksanaan perancangan pembangunan Kerajaan mengikut Pekeliling Jabatan Perdana Menteri Arahan No. 1 pada bulan Julai, 1971.

Mengenai penempatan pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, dasar Kerajaan yang sedia adalah menempatkan pegawai-pegawai Kanan di daerah yang kurang maju mengikut asas-asas yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Pada masa ini ada terdapat 100 daerah di negara ini dan daerah-daerah tersebut adalah diketuai oleh Pegawai-pegawai Daerah dari jumlah tersebut 57 daerah adalah terletak dalam perjawatan negeri dan 43 daerah di dalam pentadbiran Perkhidmatan Persekutuan. Butir-butir mengenai Pegawai-pegawai Daerah di bawah pentadbiran perjawatan negeri tidak disimpan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Bagi daerah-daerah di bawah pentadbiran perkhidmatan Persekutuan dari seramai 43 Pegawai-pegawai Daerah, 31 adalah berijazah dan 35 mempunyai pengalaman perkhidmatan lebih 5 tahun di bidang pentadbiran daerah.

Berhubung dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas adalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Kemajuan Kampung telah ditubuhkan di dalam peringkat kedua Rancangan Pembangunan Luar Bandar

Kerajaan untuk mendorong rakyat luar bandar menyertai sama menghayati segala corak pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Setelah Skim Rukun Tetangga diwujudkan dalam tahun 1975 peranan JKK juga telah diperluaskan untuk meliputi bidang keselamatan. Keanggotaan dalam JKK termasuklah para pemimpin masyarakat kampung yang boleh bertindak sebagai catalyst untuk menggerakkan masyarakat desa untuk menempa kemajuan dan memerangi sifat dan sikap negatif terhadap pembangunan. JKK juga merupakan perancang dan pelaksana projek pembangunan di peringkat akar umbi dan penghubung utama di antara rakyat dan Kerajaan. Perlantikan JKK adalah dibuat oleh masing-masing Kerajaan Negeri. Dengan yang demikian, terdapat beberapa perbezaan dalam perkara perkhidmatan ahli-ahli JKK seperti imbohan, perlantikan, penetapan, penamatan dan peranan JKK dari negeri ke negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Pusat melalui Yunit Penyelarasan Perlaksanaan Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan garis panduan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai pembentukan JKK untuk mendapatkan keseragaman dalam beberapa perkara sahaja tetapi pematuhan kepada garis panduan adalah semata-mata mengikut budibicara Kerajaan Negeri. Pembayaran elaun dan sebagainya adalah juga tertakluk kepada kemampuan dan dasar Kerajaan-kerajaan Negeri. Pada masa ini Kerajaan Pusat tidak bercadang untuk mengeluarkan sebarang panduan mengenai imbohan dan saraan kepada ahli-ahli JKK. Sebaliknya Kerajaan Pusat berpuashati dengan kesungguhan JKK yang sedang memberikan khidmat bakti mereka menurut syarat-syarat perkhidmatan yang diletakkan oleh masing-masing Kerajaan Negeri. Kerajaan Pusat akan terus membantu Kerajaan Negeri dalam bidang-bidang lain seperti latihan dan kursus di peringkat negeri dan daerah untuk meningkatkan kecekapan dan kekesan JKK.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Pedas telah membangkitkan mengenai peruntukan Rancangan Malaysia Keempat yang disediakan kepada negeri Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, peruntukan yang dibahagi kepada

negeri-negeri adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang tertentu di antaranya adalah keperluan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi mencerminkan objektif Dasar Ekonomi Baru. Keperluan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi program-program kemajuan sumber tenaga manusia seperti pelajaran dan latihan dan peruntukan bagi menyediakan keperluan asas seperti perumahan, kesihatan dan bekalan air, keperluan menyediakan peruntukan bagi projek-projek sambungan Rancangan Malaysia Ketiga sebahagian besar darinya adalah untuk projek-projek infrastruktur perumahan, kesihatan, pelajaran, pertahanan dan polis dan faktor keupayaan pelaksanaan. Oleh kerana peruntukan bagi seluruh RME adalah terhad maka Sabah dan juga negeri-negeri lain telah diberi peruntukan kurang daripada jumlah asal yang dipohonkan. Jumlah yang diperuntukkan merupakan pelaburan ekonomi tetapi bagi pembangunan negeri Sabah keseluruhannya sektor swasta juga turut memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam meningkatkan ekonomi negeri Sabah.

Sepertimana dapat dilihat di dalam dokumen RME, strategi-strategi dan program-program RME bagi negeri Sabah bukan sahaja untuk memajukan sumber-sumber aslinya tetapi juga untuk memenuhi keperluan-keperluan golongan miskin. Bagi maksud ini negeri Sabah telah diberi peruntukan sebanyak \$3,172.33 juta, daripada jumlah ini sebanyak \$200 juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan projek-projek jalan raya dan jumlah ini tidak termasuk peruntukan sebanyak \$5 juta bagi projek jalan luar bandar dan \$16.2 juta bagi projek-projek jalan-jalan kampung. Di samping itu kerja-kerja rekabentuk juga sedang dijalankan bagi projek jalan-jalan besar yang menghubungkan kawasan luar bandar Sabah.

Mengenai keadaan kemiskinan yang begitu tinggi di Sabah sebagaimana dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, adalah dimaklumkan bahawa untuk tahun 1976 jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain seperti Kedah 55.1%, Kelantan 59.2% dan Terengganu 51.4% adalah didapati bahawa

kadar kemiskinan bagi negeri Sabah adalah tidak sebegini tinggi, iaitu 51.2%.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bachok, Parit dan Jerai membangkitkan soalan-soalan yang agak sama supaya pembangunan Kerajaan untuk membasmi kemiskinan ditujukan kepada negeri-negeri yang kurang maju, tempat-tempat yang mundur dan juga membangunkan kawasan-kawasan bumiputera. Sebagaimana dicatatkan dalam dokumen RME, usaha yang gigih akan diteruskan untuk mempercepat pembangunan di sektor-sektor bandar dan luar bandar yang masih terdapat golongan miskin. Ini termasuk strategi pembangunan bersepadu bagi kawasan-kawasan pertanian yang sedia ada dan juga membangunkan kawasan-kawasan bumiputera yang berpotensi.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Jerai supaya peruntukan kepada negeri-negeri ditaksir dengan adil, saya berpendapat bahawa perkara ini telah berlaku kerana asas-asas yang digunakan dalam menentukan peruntukan bagi negeri-negeri adalah sebagaimana diterangkan ialah mengikut kemampuan negeri-negeri berkenaan dan berteraskan kepada strategi untuk mengimbangkan pembangunan di antara negeri-negeri yang kurang maju dengan negeri-negeri yang maju.

Berkenaan soalan Ahli Yang Berhormat dari Parit mengenai unit manakah yang perlu mengambil tindakan bagi sesuatu projek itu, perkara ini sepatutnya tidak berlaku kerana di peringkat negeri dan daerah telah pun diwujudkan Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk menyelaraskan pelaksanaan projek-projek.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas juga telah mendakwa bahawa sejak cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan dimansuhkan terdapat kekurangan minat dan perhatian oleh Suruhanjaya itu terhadap pengisian jawatan-jawatan kosong di Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah dan keadaan seperti ini telah ditafsirkan sebagai Suruhanjaya itu bersikap tidak ada rasa mendesak dan kurang bersimpati tentang bagaimana Jabatan Persekutuan men-

jalankan kegiatannya di Sabah dan menyebut bahawa cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Sabah telah bermesyuarat hanya dua kali dalam tahun 1980 dan dalam tahun ini (sehingga bulan Oktober) telah bermesyuarat sebanyak dua kali juga. Beliau bertanya bagaimana Suruhanjaya tersebut boleh diharap akan mencapai kemajuan dalam mengisi jawatan-jawatan kosong sekiranya ia jarang bermesyuarat. Seterusnya Ahli Yang Berhormat itu menyatakan bahawa sungguhpun ada jaminan yang Kerajaan Persekutuan akan melancarkan Operasi Isi Penuh secara besar-besaran untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan tetapi tidak nampak sebarang langkah yang berkesan telah diambil setakat ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu masalah sebenar yang didapati di Sabah dalam menjalankan urusan-urusan pengambilan bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan, terutama sekali jawatan-jawatan professional dan teknikal dalam Kumpulan A dan B ialah kesukaran mendapat calon-calon tempatan yang berkelayakan. Misalnya dalam kumpulan A bagi 28 kekosongan jawatan, yang telah dapat dipenuhi hanya 33 orang calon yang telah memohon, begitu juga bagi 110 jawatan kosong dalam Kumpulan B, yang telah dapat dipenuhi hanya 125 orang calon telah memohon. Pada dasarnya kekosongan dalam jawatan-jawatan Kerajaan di Sabah hendaklah dipenuhi oleh penduduk-penduduk Sabah sahaja atau warganegara Malaysia yang bermastautin atau mendapat kebenaran tinggal tetap di Sabah.

Memperkenalkan sistem Operasi Isi Penuh di Sabah bolehlah dianggapkan sebagai satu usaha untuk mempercepatkan usaha pengambilan, walau bagaimanapun urusan ini hanya akan memberi kesan jika calon-calon berkelayakan yang mencukupi sememangnya terdapat di pasaran buruh di negeri tersebut. Isu yang perlu diketengahkan sekarang ialah sama ada Kerajaan Negeri Sabah bersedia dan berkesanggupan untuk menerima calon-calon daripada sumber alternatif yang lain seperti calon-calon daripada Semenanjung umpamanya di mana kita masih mempunyai calon-calon yang berkelayakan bagi beberapa jenis jawatan yang tertentu. Jika pihak

Kerajaan Negeri Sabah bersetuju tentang prinsip ini maka tindakan-tindakan susulan bolehlah diambil bagi menentukan kaedah penempatan calon-calon ke Sabah sama ada secara perlantikan atau pertukaran biasa. Sementara itu pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam juga telah diberitahu mengenai permohonan daripada Pegawai Perjawatan Persekutuan Sabah tentang kemungkinan memanjangkan konsep pengambilan melalui sistem Operasi Isi Penuh di Sabah. Jika sistem ini dipanjangkan di negeri tersebut, Jabatan Perkhidmatan Awam sedia memberi khidmat nasihat mengenai kaedah perimbangannya sebagaimana panduan juga.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang masalah rasuah, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan terhadap usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk membanteras dan mencegah amalan rasuah, terutama sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan-cadangan secara spesifik untuk menjayakan usaha Kerajaan yang disebutkan itu. Dalam pada itu ada juga setengah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memperkecilkan ataupun meragu-ragu kecekapan dan keupayaan BSN untuk menghapus dan mencegah rasuah.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah mendakwa BSN sejak ditubuhkan telah gagal untuk melakukan serangan yang hebat dalam usahanya menghapuskan rasuah dalam negeri, khasnya ke atas mereka yang berpangkat tinggi dan berpengaruh dalam politik. Seterusnya Ahli Yang Berhormat itu telah memberi contoh berkaitan dengan urusan tanah oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen untuk mendapatkan tanah Kerajaan bagi mereka sendiri pada kadar (rate) Kerajaan apabila kadar pasaran harta tersebut bernilai berjuta-juta ringgit. Beliau juga menyatakan bahawa BSN membisu dalam isu ini.

Sebagai menjawab dakwaan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya suka mengulangi jaminan yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa soal-jawab di Dewan yang mulai ini di

mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa BSN boleh menyasat apa-apa kes rasuah yang difikirkan perlu. Dakwaan Ahli Yang Berhormat itu bahawa BSN tidak berkesan dalam menentang rasuah adalah tidak benar. Sekiranya dakwaan itu benar maka keadaan rasuah sudah tentu mencapai peringkat seperti yang terdapat di setengah-setengah negara lain di mana amalan rasuah dilakukan secara terbuka. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, penyiasatan sedang dijalankan oleh BSN terhadap beberapa orang yang berpangkat tinggi termasuk pegawai-pegawai Kerajaan dan beberapa orang ahli politik, tetapi BSN tidak dapat mengumumkan secara detail ataupun secara spesifik penyiasatan-penyiasatan yang sedang dijalankan sehingga tamat penyiasatan itu.

Pihak BSN dalam menjalankan tugasnya tidak akan mewujudkan diskriminasi antara orang yang berpangkat tinggi dan mereka yang berpangkat rendah. Dari bilangan kes-kes yang disiasat oleh Biro Siasatan Negara dan dibawa ke Mahkamah dari semasa ke semasa jelas kepada kita bahawa pihak BSN dengan keupayaan bilangan kakitangan yang ada telah dan sedang cuba seberapa daya untuk menghapuskan rasuah di negara ini. Dengan pengambilan lebih ramai kakitangan baru-baru ini dan di masa akan datang adalah dijangka BSN akan dapat mempertingkatkan prestasinya. Orang ramai termasuk kakitangan Kerajaan adalah digesa terus menerus memberi kerjasama kepada pihak BSN untuk menghapuskan rasuah di negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Arau ada menyeru supaya Kerajaan bukan hanya perlu menumpukan kepada perkara mencegah rasuah sahaja tetapi juga patut menjalankan kempen penyedaran di kalangan rakyat. Mengikut beliau, kempen penyedaran itu hendaklah dimulakan di peringkat sekolah-sekolah di mana kanak-kanak dapat ditanam dengan perasan benci terhadap rasuah dan juga memberi kesan kesedaran bahawa rasuah sebenarnya adalah perbuatan yang keji, jijik dan berdosa melakukannya. Beliau juga mencadangkan supaya Kerajaan patut memberi galakan kepada kakitangan

Kerajaan yang tidak melakukan rasuah dengan cara memberi kenaikan pangkat dengan sewajarnya.

Sebagai menjawab, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu BSN memang dan sedang menimbang menjalankan kempen penyedaran dan usaha-usaha sedang dijalankan untuk melakukannya dengan seberapa segera yang boleh di kalangan rakyat terutama sekali di peringkat sekolah-sekolah.

Berkenaan dengan cadangan kedua Ahli Yang Berhormat itu, saya suka memberitahu bahawa Kerajaan telah dan sedang melakukan pemberian naik pangkat kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang jujur dalam menjalankan tugas-tugas rasmi mereka.

Berhubung dengan penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak, saya ingin menjelaskan bahawa semua Mahkamah Rendah di Semenanjung Malaysia telah diarahkan supaya seberapa boleh menggunakan Bahasa Malaysia dalam perbicaraan-perbicaraan. Mana yang difikirkan patut Bahasa Inggeris boleh juga diizinkan dalam perbicaraan-perbicaraan itu di mana pihak-pihak berkenaan tidak boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia. Ini tidak dapat dielakkan demi memelihara keadilan. Pihak mahkamah tidak sanggup melihat seseorang yang dituduh itu dihukum gantung kerana ia atau peguamnya tidak boleh menguasai Bahasa Malaysia secukupnya untuk membela diri atau pelanggannya itu. Bagaimanapun segala usaha yang boleh telah dan sedang dibuat berkenaan dengan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah dan sambutan daripada ahli-ahli Majlis Peguam sangatlah menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyatakan di sini, baru-baru ini reference ataupun istiadat untuk mengingati peguam-peguam yang meninggal dunia telah pun dijalankan di dalam Mahkamah-mahkamah Tinggi dalam Bahasa Malaysia. Begitu juga majlis-majlis untuk mendaftarkan peguam-peguam baru sebagai

Peguambela dan Peguamcara telah pun dilaksanakan di dalam Mahkamah-mahkamah Tinggi dalam Bahasa Malaysia.

(Tuan (Timbalan) Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*).

Berhubung dengan surat menyurat pula, arahan Surat Pekeliling ialah semua surat menyurat hendaklah dalam Bahasa Malaysia. Dalam perkara ini saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa sambutan daripada ahli-ahli Majlis Peguam sangatlah menggalakkan.

Tentang adanya setengah-setengah peguam yang tidak menggunakan Bahasa Malaysia semasa menulis surat yang sepatutnya ditulis dalam Bahasa Malaysia, perkara ini telah pun dimaklumkan kepada Majlis Peguam yang telah pun memberi jaminan untuk mengarah ahli-ahlinya berbuat demikian.

Mengenai undang-undang bagi menguatkuasakan zon ekonomi eksklusif atau dalam Bahasa Inggeris, exclusive economic zone yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti, saya suka memaklumkan bahawa undang-undang ini akan dikemukakan pada Jemaah Menteri dan seterusnya Parlimen selepas sahaja ianya diteliti dengan halus oleh pihak Kementerian Pertanian dan lain-lain Kementerian yang ada hubungan dengan zon ekonomi eksklusif ini.

Rang Undang-undang telah pun siap digubal dan hanya menunggu masa sahaja untuk dibentangkan di Parlimen. Saya akan memastikan yang Rang Undang-undang ini dapat dikemukakan dalam masa tidak berapa lama lagi. Ada kemungkinan besar Rang Undang-undang ini akan dapat dikemukakan di persidangan Parlimen yang akan datang ini.

Menyentuh tentang hak mengundi sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya memang sedar tentang terdapat segolongan kecil anggota tentera wataniah yang dikerah untuk berkhidmat secara penuh masa dan bertugas seperti anggota tentera biasa di kawasan-kawasan sempadan. Tempoh mereka bertugas adalah tidak tetap terpulang kepada keadaan, seperti tiga tahun, dua tahun atau lebih pendek daripada itu. Di

dalam masa mereka bertugas mereka tidak didaftarkan sebagai pengundi yang tidak payah hadir yang berhak untuk mengundi melalui pos, oleh kerana mereka itu bukan sahaja perkhidmatannya sementara bahkan tidak tentu pula mereka akan berhenti atau pulang semula ke tempat asal maka tidaklah boleh mereka dimasukkan di dalam senarai nama pengundi-pengundi khas yang boleh mengundi melalui pos. Ini adalah untuk mengelakkan kerumitan berlaku sekiranya mereka balik semula ke kampung-kampung asal mereka di dalam pilihanraya. Dalam keadaan ini mereka tidak akan dapat peluang untuk mengundi sebagai pengundi biasa kerana nama mereka ada di dalam senarai pengundi pos. Tambahan pula kad pengenalan mereka adalah kad pengenalan biasa dan bukan kad pengenalan tentera dan keadaan ini menjadi sukar untuk penyusunan pengundi-pengundi tidak hadir bagi kumpulan tentera yang disenaraikan mengikut nombor kad pengenalan tentera. Perbincangan-perbincangan telah diadakan dengan pihak yang berkenaan di Kementerian Pertahanan oleh kerana beberapa kesukaran termasuk kesukaran menentukan di mana mereka berada pada satu-satu masa tertentu dan di mana mereka akan berada di masa pilihanraya nanti telah menyebabkan keputusan diambil bahawa anggota tentera wataniah dalam kategori ini perlu dikekalkan sebagai pengundi biasa di dalam Daftar Pemilih.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar menyebut tentang Borang Penamaan Calon bagi sesuatu pilihanraya. Kerajaan memang sedar bahawa Borang-borang Penamaan Calon yang digunakan sekarang tidak begitu jelas dan boleh mengelirukan. Peraturan-peraturan mengenai hal ini telah pun dipinda dan Borang Penamaan Calon dalam bentuk yang baru akan digunakan bagi pilihanraya umum yang akan datang atau mana-mana pilihanraya kecil yang berlaku selepas peraturan-peraturan baru itu disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Mengenai kenaikan wang pertaruhan bagi sesuatu pilihanraya, kajian yang teliti perlu dibuat ke atas beberapa faktor termasuk buruk baiknya kenaikan kadar wang pertaruhan itu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH), saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas yang telah mengiktiraf peranan LUTH yang telah berjaya menaikkan nama Kerajaan dan juga nama orang-orang Islam di negara ini di mata dunia, sama ada di dalam bidang ekonomi ataupun dalam urusan menunaikan fardhu haji. Beliau juga mengakui bahawa LUTH telah membawa banyak kebaikan kepada bakal haji. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah membuat beberapa pengesyoran untuk memperbaiki lagi khidmat LUTH kepada bakal-bakal haji.

Di samping itu Ahli Yang Berhormat dari Tumpat dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah membuat pengesyoran-pengesyoran yang membina terhadap LUTH. Ahli Yang Berhormat dari Tumpat menggesa supaya LUTH mementingkan juga khidmat kepada Jumaah Haji dengan memberi bantuan segera kepada jumaah-jumaah haji yang menghadapi masalah kewangan di Tanah Suci. Ahli Yang Berhormat dari Kangar merayu supaya LUTH jangan mengambil keuntungan yang banyak terhadap bakal haji.

Berhubung dengan pengesyoran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu, suka saya memaklumkan bahawa kursus yang dianjurkan oleh LUTH adalah meliputi semua bakal-bakal haji sama ada lelaki ataupun perempuan. Walau bagaimanapun, terdapat juga kursus yang dianjurkan dengan sukarela di mana ianya terhad kepada kaum lelaki sahaja. Cadangan mengenai perkara ini LUTH akan meminta penganjur kursus secara sukarela supaya kursus tersebut juga dipanjangkan kepada bakal-bakal haji kaum perempuan. Mengenai syor supaya barang-barang dan juga buku-buku diberi percuma kepada bakal-bakal haji sebulan terlebih dahulu, suka saya menyatakan juga buku ibadah telah diberi sewaktu Jumaah Haji mendaftar. Manakala barang-barang keperluan yang digunakan oleh bakal-bakal haji sewaktu di Tanah Suci diberi di lapangan terbang sebelum mereka bertolak. Ini adalah disebabkan oleh kerana barang-barang ini tidak memberi sebarang kegunaan kepada

bakal-bakal haji sewaktu berada di Malaysia. Berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh bakal-bakal haji di Saudi Arabia saya menyatakan bahawa LUTH sentiasa mengambil perhatian mengenai perkara ini dan telah sedaya upaya mengatasi masalah-masalah tersebut.

Berhubung dengan dakwaan tambang yang lebih mahal yang dikenakan oleh LUTH dan MAS, saya menegaskan bahawa perbandingan tidak patut dibuat dengan penerbangan biasa sama ada ke London atau lain-lain tempat oleh kerana penerbangan biasa di satu-satu destinasi pergi dan balik membawa penumpang dan ini berbeza dengan penerbangan charter. Untuk penerbangan charter, LUTH terpaksa menjamin muatan 98% untuk satu penerbangan. Sekiranya berlaku kekurangan muatan iaitu kurang dari 98% maka bayaran bagi tambang yang kurang itu ditanggung oleh LUTH. Di samping itu saya menegaskan di sini adalah menjadi dasar Kerajaan serta LUTH dan MAS supaya tambang terhadap jumaah haji dikenakan sehabis rendah yang dapat dan perkhidmatan selesai yang diuruskan oleh LUTH dengan MAS dengan tujuan untuk memberi pertolongan kepada bakal-bakal haji tidak dengan bermaksud mencari keuntungan. Di samping itu, adalah menjadi tujuan dan kewajipan LUTH untuk memberi khidmat baik lagi sempurna dari masa ke semasa kepada bakal-bakal haji. Dengan yang demikian, syor supaya LUTH mementingkan khidmat tidaklah timbul. Mereka yang terlantar di Tanah Suci kerana masalah kewangan memang diberi pinjaman daripada Tabung Kebajikan Jumaah Haji dan bantuan ini adalah dianggap pinjaman dengan dikenakan bayaran balik dalam masa 3 bulan setelah balik ke Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah menyentuh tentang perpaduan dan mendakwa bahawa Lembaga Perpaduan Negara dan Kawalan Rukun Tetangga tidak dapat mencapai matlamatnya tetapi sebaliknya menghabiskan wang negara sahaja. Beliau mengesyorkan supaya Lembaga Perpaduan Negara dimansuhkan dan seterusnya beliau menggesa Kerajaan supaya menutup Pusat Kawalan Rukun Tetangga.

Adalah tidak tepat sama sekali bagi Ahli Yang Berhormat ini menuduh bahawa Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara tidak dapat mencapai matlamatnya dan di sebaliknya menghabiskan wang negara sahaja. Saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa usaha memupuk perpaduan rakyat ini adalah satu proses yang mengambil masa yang panjang yang mana tarikh matlamatnya tidak dapat ditetapkan. Juga usaha untuk memupuk perpaduan rakyat adalah tanggungjawab bersama termasuk orang awam, kakitangan Kerajaan, dan Ahli Yang Berhormat itu sendiri. Dengan lain perkataan, usaha ke arah perpaduan negara bukanlah boleh disamakan dengan satu projek khusus yang boleh dikendalikan oleh sesebuah Jabatan Kerajaan sahaja. Ia merangkumi semua bidang, khususnya rancangan-rancangan pembangunan negara, perkara keselamatan yang kesemuanya mengambilkira faktor perpaduan. Oleh yang demikian, soal pembaziran wang negara tidaklah timbul.

Mengenai apa yang dikatakan Pusat Kawalan Rukun Tetangga, sebenarnya nama yang betul ialah Pondok Rukun Tetangga. Pondok Rukun Tetangga ini perlu diadakan untuk menjalankan urusan ronda yang menjadi tugas utama Skim Rukun Tetangga. Tanpa mengadakan Pondok Rukun Tetangga maka tadbiran meronda akan menjadi bertambah sukar. Pondok ini memberi manfaat kepada rakyat, kerana keamanan dan kesejahteraan bermakna negara kita boleh terus membangun tanpa terbantut oleh unsur-unsur yang memecah-belahkan. Jadi tidak ada sebab mengapa Kerajaan mahu menutup Pondok Rukun Tetangga.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan, teguran dan cadangan terhadap Jabatan Perdana Menteri. Mana-mana teguran dan cadangan yang difikirkan baik tetapi tidak sempat dijawab adalah diambil perhatian sewajarnya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjawab.

4.16 ptg.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian saya semasa membahaskan Belanjawan 1982 yang telah dibentangkan pada 23-10-1981 yang baru lalu terutamanya di bidang perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soalan-soalan mengenai perumahan awam kos rendah. Seperti biasa Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling dan Damansara telah membangkitkan perkara-perkara yang tidak menyenangkan dan memberi gambaran yang buruk terhadap polisi dan program Kerajaan.

Oleh kerana banyak sangat perkara yang disentuh, saya tidak bercadang untuk menjawabnya satu persatu. Walau bagaimanapun, saya akan memberi gambaran yang menyeluruh tentang program-program rumah awam kos rendah yang mana akan merangkumi sebahagian besar daripada perkara-perkara serta soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menerangkan sedikit program rumah awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Sasaran unit rumah awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah ditetapkan sebanyak 73,500 unit. Daripada jumlah unit ini Kementerian saya mengendalikannya sebanyak 57,943 unit rumah. Sehingga 31-12-1980, sebanyak 36% daripada sasaran Rancangan Malaysia Ketiga termasuk Wilayah Persekutuan iaitu sebanyak 26,070 unit telah siap dibina manakala 64% adalah dalam peringkat pembinaan bangunan dan awal pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sebab kenapa program perumahan awam kos rendah ini tidak dapat siap sepenuhnya di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Masalah-masalah yang dihadapi dalam

perlaksanaan program rumah awam kos rendah ketika itu ialah:

- (a) Ketidakupayaan jentera perancangan dan pentadbiran di peringkat Persekutuan dan Negeri;
- (b) Kelambatan menentukan tapak projek;
- (c) Kelambatan mengemukakan projek-projek untuk dilaksanakan;
- (d) Kekurangan keupayaan agensi-agensi pelaksanaan untuk melaksanakan rancangan perumahan awam kos rendah;
- (e) Kekurangan tanah untuk rancangan perumahan awam kos rendah; dan
- (f) Ketiadaan off-site infrastruktur.

Setelah mengesan masalah-masalah atau kelemahan pelaksanaan program perumahan awam kos rendah itu, Kementerian saya telah mengkaji dan menggubal strategi dan cara-cara untuk mempercepatkan proses penyediaan serta pelaksanaan projek rumah awam kos rendah di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini. Untuk tujuan tersebut, langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (a) Memperkukuhkan jentera perancangan dan pentadbiran di peringkat Persekutuan dan Negeri;
- (b) Menentukan kesesuaian tapak projek dengan lebih awal;
- (c) Menambahkan keupayaan jentera pelaksanaan;
- (d) Mendapatkan peruntukan untuk kerja-kerja mengukur tanah; dan
- (e) Menambahkan Tabung Wang Amanah untuk membiayai kos infrastruktur dan mewujudkan tabung tanah, di antara lain.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Keempat \$1,000 juta telah diluluskan untuk membiayai projek sambungan Rancangan Malaysia Ketiga dan projek baru Rancangan Malaysia Keempat. Kerajaan telah juga meluluskan peruntukan tambahan (forward commitment) sebanyak \$2,000 juta bagi projek tambahan. Kecuali program rumah awam kos rendah di Wilayah

tempatan, pengedaran barang-barang pengeluaran serta perjanjian dan mutu pengeluaran.

Syarat-syarat tersebut berbeza di antara satu projek dengan projek yang lain. Perbezaan ini adalah meliputi aspek-aspek penggunaan bahan-bahan mentah, gunatenaga, penempatan kilang dan sebagainya. Umpamanya, sesebuah projek baru yang akan diadakan di negara ini yang memberi keuntungan kepada pembangunan ekonomi boleh diberi pertimbangan untuk mendapat Galakan Taraf Printis. Jika projek itu menggunakan sebahagian besar bahan-bahan mentah tempatan yang 'depletable', syarat ekuiti kepada projek ini lebih menyerupai pegangan ekuiti majoriti oleh rakyat Malaysia daripada sesuatu projek yang kurang menggunakan bahan yang serupa.

Begitu juga projek-projek yang menggunakan banyak bahan-bahan mentah negara ini untuk dieksport akan dikenakan syarat ekuiti yang lebih mencerminkan hak milik Warganegara Malaysia. Tetapi untuk projek-projek yang menggunakan bahan mentah yang diimport di mana keluaran itu dieksport semula dengan hanya menggunakan gunatenaga Malaysia boleh dipertimbangkan suatu struktur ekuiti yang dipunyai majoriti oleh pelabur asing. Untuk saya menghuraikan satu persatu bagaimana syarat-syarat yang dikenakan kepada pelabur-pelabur mungkin tidak tepat kerana ia berbeza mengikut keadaan dan kesesuaian sesuatu projek.

Mengenai jumlah keuntungan yang disalurkan ke luar negeri oleh pelabur-pelabur asing sukacita dimaklumkan bahawa berdasarkan kepada rekod-rekod pembayaran yang telah dibuat kepada bukan pemastautin melalui bank-bank di Malaysia, jumlah yang telah dilaporkan sebagai pembayaran dalam bentuk dividen dan keuntungan adalah seperti berikut:

- (i) Januari-Disember 1979=M\$671 juta
- (ii) Januari-Disember 1980=M\$1,170 juta
- (iii) Januari-September 1981=M\$777 juta

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1982

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (9hb November, 1981).

DAN

### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1982

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$14,631,547,375 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1982, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1981, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut." (9hb November, 1981).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 61 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian di dalam perbahasan selama sembilan hari berakhir pada malam tadi. Dan hari ini dan hari esok diperuntukkan bagi Yang Berhormat Menteri-menteri memberi jawapan. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyampaikan jawapan.

Persekutuan, Kementerian saya mengendalikan semua program rumah awam kos rendah yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Sasaran unit rumah awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat ialah 176,500 unit. Seperti saya sebutkan tadi, Kementerian saya adalah bertanggungjawab atas program-program perumahan awam Negeri-negeri Malaysia kecuali program perumahan awam kos rendah di Wilayah Persekutuan. Daripada sasaran 176,500 unit itu 235 projek-projek sambungan Rancangan Malaysia Ketiga yang mengandungi 36,644 unit adalah yang dikendalikan oleh Kementerian saya. Projek-projek baru adalah 499 projek kesemuanya yang mengandungi 92,010 unit. Kesemuanya, sebanyak 734 projek yang mengandungi 128,654 unit adalah di bawah tanggungjawab Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi gambaran tentang bilangan unit yang telah siap dan dijangka akan siap dalam tempoh dua tahun ini:

- (a) Tentang projek sambungan Rancangan Malaysia Ketiga mengandungi 36,344 unit yang dikendalikan oleh Kementerian saya akan siap pada pertengahan tahun 1982. Jumlah unit bagi projek sambungan Rancangan Malaysia Ketiga yang dilaksanakan oleh Kementerian saya adalah 36,644 unit. Oleh yang demikian, sebanyak 99% dijangka akan siap dibina pada pertengahan tahun 1982. Pecahan mengenai projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Projek	Bilangan Unit
Johor .. ..	21	8,068
Kedah .. ..	21	3,039
Kelantan .. ..	9	1,678
Melaka .. ..	28	2,760
Negeri Sembilan	16	2,476
Pahang .. ..	30	2,669
Perak .. ..	23	1,908
Perlis .. ..	13	1,380
Pulau Pinang ..	6	2,483
Selangor .. ..	37	4,713

Negeri	Bilangan Projek	Bilangan Unit
Terengganu ..	10	1,444
Sabah .. ..	9	898
Sarawak .. ..	9	2,828
JUMLAH ..	232	36,344

- (b) Tentang Projek baru Rancangan Malaysia Keempat, 17 projek yang mengandungi 2,262 unit telah siap atau dijangka akan siap pada hujung tahun ini. Di antara projek-projek tersebut, 2 projek di Kelantan yang mengandungi 135 unit telah siap dibina. Lain-lain projek yang terlibat adalah 6 projek di Trengganu yang mengandungi 789 unit, 8 projek di Negeri Sembilan yang meliputi 700 unit dan satu projek di Pahang yang mempunyai sebanyak 638 unit.
- (c) Selain daripada itu, beberapa projek yang lain telahpun ditender dan dijangka akan siap pada hujung tahun 1983. Projek-projek yang terlibat adalah 2 projek di Negeri Sembilan (300 unit), 1 projek di Kelantan (279 unit), 13 projek di Johor (3,190 unit), 10 projek di Kedah (2,170 unit) 4 projek di Perak (1,125 unit), 2 projek di Melaka (150 unit) dan 1 projek di Perlis (65 unit).

Kementerian ini difahamkan, Negeri Sabah akan menender 4 projek kondominium yang mengandungi lebih kurang 4,000 unit dan Negeri Pulau Pinang juga akan menender 4,500 unit sebelum hujung tahun ini. Oleh yang demikian, lebih kurang 54,341 unit yakni 42% daripada sasaran 128,855 unit yang dikendalikan oleh Kementerian saya, dijangka akan siap dibina pada hujung tahun 1983.

Pada tahun ini daripada projek-projek yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perhubungan Negeri hanya Negeri Sabah, Johor, Kelantan, Pahang dan Perlis telah mencadangkan untuk membina projek perumahan awam kos rendah tertentu secara kondominium. Setakat ini bilangan projek yang terlibat adalah 13 dan meliputi 8,864 unit.

Kementerian saya dengan usaha dan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri sedang mempergiatkan usaha menjalankan kerja-kerja awalan untuk projek-projek yang lain. Di bawah strategi baru Kementerian saya, Kerajaan akan dapat membina rumah awam kos rendah mengikut jadual seberapa yang boleh. Dalam hal ini saya ingin merakamkan terima kasih saya atas usaha dan kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri supaya Kerajaan dapat memenuhi permintaan perumahan rakyat berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Petaling untuk menubuhkan sebuah Lembaga Perumahan Kebangsaan, guna untuk memusatkan usaha pembinaan perumahan, sukacitalah saya menerangkan di sini iaitu untuk menentukan bahawa pelaksanaan program rumah awam kos rendah dapat berjalan dengan teratur dan mengikut jadual, di bawah Rancangan Malaysia Keempat, tiap-tiap negeri telah menubuhkan satu Jawatankuasa Perhubungan Negeri mengenai Rumah Kos Rendah yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri. Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk menentukan projek-projek yang akan dilaksanakan, termasuk bilangan unit rumah dan jenis rumah bagi sesuatu projek, tertakluk kepada had peruntukan yang diberi kepada tiap-tiap negeri. Jawatankuasa Perhubungan Negeri ini juga diberi kuasa untuk membeli rumah kos rendah yang akan dibina oleh pemaju swasta. Jadi dengan penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Negeri ini, adalah tidak perlu diwujudkan Lembaga Perumahan Kebangsaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit atas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling mengenai projek rumah awam kos rendah di Sungai Abong dan di Tanjong Agas. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri mempunyai kuasa sepenuhnya atas perkara tanah. Dalam hal ini, adalah dalam bidangkuasa Kerajaan Negeri mengambilalih tanah dengan tujuan menggunakannya untuk projek-projek pembangunan. Kerajaan

Negeri, melalui EXCOnya, telah membuat keputusan untuk mewartakan tapak di Sungai Abong sebagai Tanah Simpanan Melayu di bawah kuasa Malay Reservation Enactment, Negeri Johor 1936. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telahpun memberi keterangan sepenuhnya tentang tindakan Kerajaan Negerinya mengenai soal ini dalam akhbar-akhbar tempatan dan saya tidak bercadang untuk mengulangi penjelasan Yang Amat Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas mengenai pengambilalih Perkhidmatan Bomba Sabah oleh Kerajaan Persekutuan mulai 15-5-1981 yang lalu iaitu tarikh berkuatkuasa pindaan Perlembagaan Malaysia, sukacita saya memberi jaminan bahawa Jabatan Perkhidmatan Bomba Sabah tidak akan menjadi lebih buruk daripada semasa ianya di bawah Kerajaan Negeri. Ini adalah kerana peruntukan yang secukupnya telah disediakan bagi Belanja Mengurus dan Pembangunan bagi Jabatan tersebut. Saya percaya Ahli Yang Berhormat sendiri sedar betapa pentingnya penyatuan sebegitu rupa dibuat demi meningkatkan lagi perkhidmatan jabatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pantii sukacitalah saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan akan mengkaji terlebih dahulu di atas cadangan untuk menubuhkan satu bahagian percetakan berasingan untuk kerja-kerja percetakan Parlimen sahaja, sama ada perlunya serta implikasi-implikasi yang mungkin timbul memandangkan bahawa kerja-kerja percetakan untuk Parlimen pada masa sekarang adalah dibuat sepenuhnya oleh Jabatan Percetakan Negara di bengkalnya sendiri.

Bagi cadangan untuk percetakan-percetakan yang dibuat di luar negeri seperti passport antarabangsa untuk dicetak di dalam negeri, Jabatan Percetakan Negara telah pun membuat rancangan untuk mengambilalih semua percetakan-percetakan yang dibuat di luar negeri termasuk passport antarabangsa untuk dicetak di Bahagian Percetakan Keselamatan sendiri apabila bangunan yang sedang dibina siap menjelang pertengahan tahun 1982 akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas teguran-teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu terutamanya teguran-teguran yang membina yang tidak saya sentuh secara terperinci. Kementerian saya akan mengambil ingatan atas perkara-perkara tersebut dalam merangka dasar dan pelaksanaan program pembangunannya nanti. Sekian, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan untuk menjawab.

4.33 ptg.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap dan menyentuh berkenaan Kementerian saya. Saya akan cuba menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Kepada mana-mana teguran yang tidak dijawab tidaklah bererti tidak diambil perhatian oleh pihak Kementerian malahan mana-mana teguran yang membina tentunya akan diambil kira oleh pihak Kementerian dalam menentukan dasar-dasarnya di masa akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara ada menuduh pihak Kerajaan tidak membekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti air di beberapa kawasan di dalam Wilayah Persekutuan, misalnya di Sungai Pencala. Berhubung dengan perkara ini, sebenarnya Kerajaan telahpun mengambil tindakan membekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti air paip, elektrik, longkang, perparitan, jalan kampung, dewan-dewan orang ramai, pondok telefon, padang permainan kanak-kanak, bekalan untuk gotong-royong misalnya untuk membuat tandas curah di kampung-kampung setinggan, misalnya, di kampung Kerinchi.

Untuk makluman Yang Berhormat itu, pada masa ini Kerajaan membelanjakan kira-kira \$80,000 pada tiap-tiap bulan bagi membayar air yang dibekalkan melalui 638

stand-pipes di dalam 167 buah kampung di Wilayah Persekutuan. Ini telah memberikan kemudahan air paip kepada kira-kira 30,000 keluarga. Pembinaan sebuah tangki air yang berharga \$1.7 juta sedang dicadangkan di Sungai Penchala dan tender telahpun dikeluarkan. Jalan ke tangki air itu juga sedang dibina.

Seorang Ahli Yang Berhormat dari Sabah pula ada mencadangkan supaya Lembaga Pengarah, Dewan Bandaraya melantik juga ahli dari Sabah dan Sarawak kerana Kuala Lumpur adalah ibu negara Malaysia. Beliau juga ada menyebut masalah pembetulan jalan, kontrak-kontrak di sana sini perlu di atasi kerana ini menimbulkan masalah lalu-lintas di ibu negara. Sebenarnya perlantikan ahli-ahli Lembaga Penasihat Kuala Lumpur adalah dibuat mengikut Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960. Sekarang ini Lembaga tersebut mempunyai 10 orang ahli-ahli yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ahli rasmi (ex-officio) ialah Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Lembaga ini dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Akta berkenaan memperuntukkan 2 daripada ahli Lembaga Penasihat hendaklah orang-orang yang dinamakan oleh Raja dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor; 8 ahli dilantik daripada orang-orang yang tinggal di Kuala Lumpur atau kawasan-kawasan sekitarnya yang mengetahui keadaan Kuala Lumpur dan mempunyai kemahiran serta pengalaman yang tertentu yang dijangka berfaedah untuk memberikan nasihat dan pandangan mengenai pentadbiran Kuala Lumpur. Perlantikan tidaklah berasaskan kepada negeri-negeri; perlantikan adalah berasaskan keperluan dan kesesuaian bagi mengisi dan menjalankan tugas berkenaan.

Berkenaan dengan masalah pembetulan jalan iaitu korek-mengorek di sana sini yang dikatakan menimbulkan masalah lalu-lintas di ibu negara, sukalah saya menerangkan bahawa Kerajaan sedar mengenai masalah penggalian jalan dan sedang mengambil tindakan-tindakan supaya masalah ini dapat dikurangkan dengan memperbaiki lagi penyelarasan kerja-kerja oleh agensi-agensi

berkenaan. Walau bagaimanapun untuk mengatasinya sama sekali masalah tersebut adalah sukar kerana kadang-kadang perlu dijalankan segera kerja-kerja tertentu seperti memperbaiki kerosakan paip-paip air dan pembentungan dan kebal-kebal telekom serta elektrik. Kerja-kerja penggalan ini juga berkait rapat dengan pembangunan yang berjalan begitu pesat di Kuala Lumpur yang memerlukan pembekalan air, telefon, elektrik, pembentungan dan lain-lain.

Bagi kerja-kerja yang dirancang, dan diketahui lebih awal, maka adalah dipastikan supaya kerja-kerja itu dijalankan dengan cermat dan teratur. Pada masa ini kebenaran perlu diperolehi daripada Dewan Bandaraya untuk menggali jalan dan mereka yang berkenaan dikenakan syarat-syarat tertentu termasuklah wang cagaran. Langkah ini adalah untuk memastikan jalan-jalan yang dikorek tidak ditinggalkan begitu sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat itu, satu kajian sedang dibuat di mana jalan-jalan baru kita akan menyediakan saluran-saluran untuk menyalurkan dawai-dawai telefon dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kepong ada mengatakan bahawa bayaran letak kereta di Kuala Lumpur yang akan dinaikkan adalah sangat mahal sehingga Ahli Yang Berhormat itu mengatakan kenaikan itu akan sampai kepada tiga kali ganda. Saya kira hujah-hujah Ahli Yang Berhormat itu adalah berdasarkan kepada khabar-khabar angin sahaja. Untuk menjawab masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menerangkan bahawa sebenarnya kadar kenaikan yang dicadangkan hanyalah antara 10¢ dan 20¢ sahaja tiap-tiap satu jam. Ini adalah mengikut keadaan tempat.

Bagi kawasan pusat bandar yang sibuk bayaran dahulu 40¢ dinaikkan kepada 50¢ dalam satu jam pertama.

Bagi tempat-tempat yang kurang sibuk iaitu di luar pusat bandar, bayaran sekarang antara 30¢ dan 40¢ manakala bayaran baru ialah 50¢ tiap-tiap satu jam.

Ada juga tempat-tempat yang dikenakan bayaran letak kereta waktu malam iaitu antara jam 5.00 petang hingga 10.00 malam misalnya di Jalan Bukit Bintang, Jalan Alor, dan Jalan Sultan. Bayaran sekarang 30¢ tiap-tiap satu jam, bayaran baru adalah 50¢ tiap-tiap satu jam. Kenaikan ini adalah perlu supaya tuannya-tuannya kereta tidaklah meletakkan kereta di satu-satu tempat itu terlalu lama supaya dapatlah memberi peluang kepada orang lain untuk menggunakan pula tempat itu. Perkara ini dijangka akan dijalankan menjelang akhir tahun 1981 ini atau selewat-lewatnya awal tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberikan pandangan mereka terhadap Kementerian Wilayah Persekutuan. Mana-mana pandangan yang difikirkan perlu dan sesuai adalah akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama untuk menjawab.

4.43 ptg.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara yang terletak di bawah tugas dan tanggungjawab Kementerian saya sepanjang perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 1982 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kangar supaya tanaman tembakau diberi keutamaan dan ditanam di semua negeri, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa Kementerian saya sememangnya memberi perhatian yang sewajarnya kepada usaha-usaha mengembangkan dan memajukan industri tembakau sejajar dengan keperluannya. Rancangan telah pun disusun bagi meluaskan dan memajukan perusahaan tanaman tembakau. Dengan pelaksanaan tanaman ini nanti dijangka ia akan dapat

menambahkan lebih ramai lagi penglibatan penduduk-penduduk luar bandar dalam perusahaan penanaman tembakau dan seterusnya akan dapat meningkatkan keupayaan pengeluaran dari segi kuantiti dan kualiti bagi memenuhi keperluan industri perkilangan rokok tempatan dan untuk mengurangkan dengan seberapa banyak yang boleh jumlah import tembakau dari luar negeri. Usaha-usaha pengeluaan tanaman adalah ditekankan di negeri-negeri yang telah sedia ada perusahaan tanaman tembakau, memandangkan penanaman tembakau memerlukan kemahiran dan pengalaman yang tinggi, maka langkah ini diambil dengan tujuan untuk menjamin kualiti tembakau yang dikeluarkan di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong telah mencadangkan supaya perusahaan dalam perlombongan bijih timah diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri atau anak-anak syarikatnya dan tidak kepada orang-orang perseorangan. Dalam hal ini, saya suka memaklumkan bahawa kuasa untuk menentukan pemberian kepada dan penyertaan daripada Perbadanan Kemajuan Negeri adalah terletak sepenuhnya di tangan Kerajaan-kerajaan Negeri. Dari perkembangan yang berlaku sejak akhir-akhir ini, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah pun dilaksanakan di kebanyakan negeri di mana Kerajaan-kerajaan Negeri telah dan sedang turut serta di dalam perusahaan perlombongan melalui penyertaan equity Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri dan anak-anak syarikatnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Sarikei supaya Kerajaan menstabilkan harga lada hitam agar petani-petani dapat meneruskan aktiviti-aktiviti menanam lada hitam di samping menikmati subsidi baja, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa Pertubuhan Negara-negara Pengeluar Lada Hitam atau International Pepper Community memandangkan berat terhadap masalah kejatuhan harga lada hitam di pasaran dunia pada masa ini. Satu kajian telah pun dibuat oleh pertubuhan ini mengenai kaedah yang berkesan untuk menstabilkan harga lada hitam di pasaran dunia. Dalam mesyuarat sesi ke 9 International Pepper Community

yang berlangsung di Bali Indonesia pada bulan September 1981 yang lalu, Pertubuhan ini telah membuat keputusan bahawa perlunya dilaksanakan skim stok penimbal lada hitam dan skim harga eksport minima di negara-negara anggota International Pepper Community. Kerajaan-kerajaan yang berkenaan sedang meneliti dan mengkaji tentang kemungkinan untuk melaksanakan skim-skim tersebut dengan tujuan menstabilkan tingkat harga lada hitam di dalam negeri dan di peringkat pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Mantin, Maran dan Parit telah membangkitkan perkara mengenai kemerosotan harga bahan-bahan utama sekarang ini dan telah menggesa supaya Kerajaan berusaha dengan lebih giat lagi untuk menaikkan harga bahan-bahan utama. Kerajaan memang sedar tentang kemerosotan harga bahan-bahan utama seperti getah, kayu-kayan dan lada hitam yang berlaku pada masa ini. Pada amnya kemerosotan harga bahan-bahan ini adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia pada masa ini. Bukan sahaja permintaan telah berkurangan tetapi juga kadar faedah yang tinggi di kebanyakan negara maju telah menyebabkan stok disimpan pada paras yang paling rendah. Kadar inflasi yang tinggi di negara itu juga telah menyebabkan pengguna-pengguna tidak meningkatkan penggunaan barang-barang seperti yang lazim dibuat. Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk menstabilkan harga bahan-bahan utama.

Dalam menjawab soalan-soalan dari beberapa orang Ahli Yang Berhormat di Dewan ini dahulu, saya telah menerangkan tentang peranan yang dimainkan oleh Perjanjian Getah Asli Antarabangsa 1979, untuk menstabilkan harga getah melalui kerjasama antara pengeluar-pengeluar dan pengguna-pengguna. Dalam usaha ini kita tidak boleh bandingkan getah asli dengan minyak kerana minyak tidak mempunyai bahan gantian yang rapat (close substitute) sepertimana getah asli yang mempunyai bahan gantian rapat iaitu getah tiruan. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah juga berikhtiar mengambil langkah-langkah yang positif untuk menolong meringankan kesan buruk yang dialami oleh pekebun-pekebun

kecil di Malaysia berikutan dengan kemerosotan harga getah. Seumpamanya, RISDA dan MARDEC telah diarah untuk membeli getah secara terus dari pekebun-pekebun kecil getah di kampung-kampung supaya mereka dapat menikmati harga getah yang berpatutan semasa kemelesetan ekonomi dunia sekarang. Pihak-pihak estet dan peniaga-peniaga getah juga telah bersetuju menambahkan stok-stok mereka dengan tujuan mencapai harga getah yang lebih lumayan. Pada akhirnya Kerajaan Malaysia tidak berupaya menanggung beban yang terbesar untuk menstabilkan harga getah di peringkat antarabangsa. Oleh itu, kita berharap Perjanjian Getah Asli Antarabangsa boleh mencapai matlamat untuk menstabilkan harga getah bagi pengeluaran getah di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai timah, Kerajaan telahpun berjaya meminta supaya Majlis Timah Antarabangsa mengkaji semula paras harga dalam perjanjian sesuai dengan kos pengeluaran yang telah meningkat. Kenaikan harga sebanyak 6.85% telahpun dipersetujui oleh Majlis Timah Antarabangsa.

Pada hemat saya, usaha yang paling berkesan dalam mengatasi kejatuhan harga bahan-bahan utama adalah dengan menentukan supaya kemajuan dalam meningkatkan kecekapan pengeluaran bahan-bahan utama adalah dengan menentukan supaya kemajuan dalam meningkatkan kecekapan pengeluaran bahan-bahan berbagai bentuk. Pihak Kerajaan telahpun menekankan usaha-usaha seperti Rancangan Tanaman Semula, Penyelidikan dan Pembangunan dan pemindahan teknologi khususnya kepada sektor pekebun kecil yang tidak teratur dan pemerosesan lanjut bahan-bahan utama kita. Kerajaan telah juga berusaha memperbaiki pasaran bahan-bahan utama tempatannya dengan menubuhkan Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE), mengukuhkan pasaran bahan-bahan utama yang sedia ada dan mencari pasaran-pasaran baru menerusi misi perdagangan dan ekonomi yang telah, sedang dan akan dihantar dari masa ke semasa ke luar negeri. Pihak Kerajaan juga akan meneruskan usaha-usaha bagi mencapai satu tahap perdagangan dunia yang lebih bebas dan persaingan serta meningkatkan pasaran bahan-bahan utama

kita bukan sahaja dalam bentuk mentah tetapi juga yang separuh diproses dan yang diproses. Kerajaan juga dari masa ke semasa berusaha untuk memperbaiki sistem fizikal atau cukai Kerajaan bagi meningkatkan lagi insentif dan pulangan kepada pengeluar-pengeluar. Dengan usaha-usaha ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa sektor bahan-bahan utama kita mempunyai prospek yang baik pada masa hadapan dan masalah-masalah yang timbul dari ketidakstabilan harga bahan-bahan utama kita dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan pengisytiharan tahun lapan puluhan sebagai dekad perusahaan berasaskan sumber asli, usaha-usaha sedang dibuat bagi menambahkan penggunaan getah tempatan. Dalam hubungan ini, kita mempunyai matlamat menambahkan penggunaan getah dalam negeri dari paras 60,000 tan metrik sekarang kepada 300,000 tan metrik menjelang tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Julau telah mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan rancangan tanaman getah, kelapa sawit dan koko di Sarawak. Memandangkan masih luas tanah yang didapati di Sarawak dan selaras dengan dasar pengeluaran dinamik, penelitian yang mendalam harus diberi bagi menggalakkan pembukaan tanah baru untuk tanaman getah serta kelapa sawit dan koko akan dibuat di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang supaya Kerajaan memberitahu kepada rakyat mengenai sebab-sebab kepada kejatuhan harga bahan-bahan utama seperti getah asli, sebagaimana yang sedia maklum, saya telahpun memberi penjelasan yang lanjut berhubung dengan kedudukan harga getah serta sebab-sebab kejatuhan harga bahan tersebut di Dewan yang mulia ini pada 27-10-81 dan 3-11-1981. Dengan itu saya berharap mendapat kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya menyampaikan maklumat-maklumat tersebut kepada rakyat. Saya juga telah mengadakan dialog dengan wakil-wakil Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia kelmarin. Untuk

makluman Ahli-ahli Yang Berhormat saya akan menjelaskan perkara ini di peringkat negeri dan dengan itu akan mengadakan perjumpaan dengan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak pada 13hb November dan dengan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri lain pada suatu masa kelak.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti, sukalah saya maklumkan bahawa di bawah Akta Dagangan Komoditi 1980, Majlis Dagangan Komoditi di bawah Kementerian saya adalah bertanggungjawab bagi menyelia aktiviti-aktiviti firma-firma yang berdagang kontrak serahan hadapan komoditi. Hanya firma-firma yang layak sahaja didaftarkan oleh Majlis dan di antara syarat-syarat yang diperlukan ialah bahawa semua perbadanan atau firma yang menjalankan perniagaan tersebut hendaklah mempunyai modal minima yang terbayar seperti berikut:

	<i>Modal Berbayar yang minima \$</i>
(i) Bagi ahli-ahli KLCE yang berniaga dalam KLCE sahaja	250,000
(ii) Bagi ahli KLCE yang berniaga dalam KLCE dan Bursa-bursa seberang laut	500,000
(iii) Bagi bukan Ahli KLCE ..	750,000

Untuk menjaga kepentingan orang-orang yang berdagang kontrak serahan hadapan komoditi di bursa-bursa seberang laut, Majlis telah menetapkan supaya syarikat komoditi membayar deposit kepada Pesuruhjaya Dagangan Komoditi seperti berikut:

- |                                |   |
|--------------------------------|---|
| (i) Bagi ahli-ahli KLCE        | \$100,000 tunai atau dalam bentuk 'bank guarantee'. |
| (ii) Bagi bukan ahli-ahli KLCE | \$200,000 tunai.                                    |

Bagi perdagangan di KLCE pula, KLCE telahpun mempunyai kumpulan wang pampasannya sendiri untuk tujuan yang sama.

Dengan adanya deposit dan kumpulan wang pampasan, maka mana-mana orang yang menanggung kerugian wang disebabkan oleh kemungkinan yang dilakukan oleh peniaga-peniaga boleh membuat tuntutan daripada deposit atau kumpulan wang pampasan di mana berkenaan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang akan memberi jawapan bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian dan selepas itu memberi jawapan bagi pihak Kementeriannya sendiri.

5.00 ptg.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Shariff Ahmad):** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Menteri Pertanian, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada sektor pertanian negara terutama kepada Yang Berhormat-berhormat yang telah memberi sokongan, cadangan dan teguran kepada Kementerian Pertanian. Saya tidaklah bercadang untuk mengulas satu persatu akan semua perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat sekalian tetapi ini tidaklah bermakna segala cadangan dan teguran yang telah disebutkan itu tidak diambil endah, malah Kementerian Pertanian sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang dibuat di Dewan yang mulia ini.

Adalah menjadi tugas utama Kementerian Pertanian untuk meninggikan taraf hidup petani-petani dan nelayan, selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru, di samping berusaha untuk mengeluarkan seberapa yang boleh bahan-bahan makanan yang mencukupi untuk keperluan negara dan eksport. Di dalam melaksanakan dasar tersebut Kementerian Pertanian akan terus menumpukan pembangunan-pembangunan pertanian mengikut sektor-sektor tanaman, ternakan, perikanan, pembangunan kawasan, gerakan pertubuhan dan perkhidmatan-perkhidmatan perlu pertanian. Semua aktiviti-aktiviti agensi di bawah Kementerian Pertanian akan diselaraskan mengikut sektor-sektor tersebut.

Bagi menjawab perkara yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau, Yang Berhormat dari Tanjong Karang, Yang Berhormat dari Sungai Petani, Yang Berhormat dari Jerai dan Arau mengenai kemajuan pertanian di negara ini terutamanya

tanaman padi, sukalah saya menjelaskan bahawa Kementerian ini memang memberi keutamaan terhadap penanaman padi dan masalah-masalahnya. Adalah menjadi matlamat Kementerian Pertanian untuk mengeluarkan padi yang mencukupi bagi keperluan negara di samping meninggikan taraf hidup kaum tani.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat Kementerian Pertanian akan menambahkan lagi kawasan tanaman padi sebanyak 175 ribu ekar. Tumpuan akan diberi kepada mempertingkatkan sistem pengairan di samping penggunaan sumber-sumber air yang lebih berkesan. Selain daripada itu tanah terbiar akan dipulihkan di bawah program pemulihan yang dirancang dengan teliti. Setakat ini Kementerian Pertanian (melalui agensi-agensinya) telah memulihkan seluas 2,500 ekar sawah terbiar di negeri Kelantan dan Pulau Pinang. Jumlah ini adalah sebahagian daripada sejumlah 16,930 ekar yang telah diluluskan untuk dilaksanakan dalam musim kedua 1981 dan musim pertama 1982. Pada masa yang sama Kementerian sedang menilai dan mengkaji projek-projek cadangan yang dikemukakan oleh pihak negeri untuk kelulusan. Kawasan-kawasan yang telah dipulihkan itu telah mengeluarkan hasil di antara 280 gantang seekar pada paras yang paling rendah hingga 700 gantang seekar semusim.

Bagi menjawab syor yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Sarikei mengenai penanam padi di Sarawak, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pertanian bersama-sama Kerajaan Sarawak akan melancarkan penanaman padi sawah secara besar-besaran, di tiap-tiap Bahagian di Sarawak yang mana akan merangkumi kawasan berjumlah lebih kurang 38,000 ekar.

Dalam mencapai kemajuan tersebut Kementerian Pertanian melalui agensi-agensinya sedang berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan segala infrastruktur serta khidmat nasihat kepada petani-petani.

Bagi menjawab syor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjung Karang dan Yang Berhormat dari Parit mengenai masalah bekalan air di sawah-sawah adalah

dimaklumkan bahawa langkah-langkah sedang diambil oleh Kementerian untuk menentukan punca-punca air dan memajukan sumber-sumber air bagi keperluan yang akan datang. Bagi kawasan Tanjung Karang, Selangor, Kementerian Pertanian setakat ini tidak ada rancangan untuk membina empangan air di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun untuk menakung dan membekalkan air persawahan, kawasan Hutan Paya Gambut yang sedia ada seluas 274 batu persegi akan dikekalkan di bawah rancangan pembangunan Barat Laut Selangor untuk memastikan punca air ini bagi persawahan di situ tidak terjejas. Adalah dimaklumkan di bawah rancangan pembangunan Barat Laut Selangor, kemudahan pengairan akan diperbaiki lagi untuk mencapai pemberian dan pengurusan air yang lebih cekap dan berkesan supaya pembaziran air dapat dikurangkan. Perlu dijelaskan di sini kerjasama daripada pesawah-pesawah adalah diperlukan untuk menjimatkan penggunaan air. Dari itu adalah diharapkan supaya petani-petani dapat mengikuti jadual penanaman padi yang telah ditetapkan.

Dalam menentukan bekalan air yang mencukupi sektor pertanian, Kerajaan Malaysia telahpun menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Jepun di bawah bantuan teknikal Kerajaan Jepun untuk menjalankan kajian sumber-sumber air di seluruh negara. Di bawah kajian ini punca-punca air di dalam negara ini akan disiasat dan menentukan bagi semua kegunaan air hingga ke tahun 2000. Mengikut kajian awal bagi Semenanjung Malaysia, sejumlah 41 tapak yang sesuai untuk mendirikan empangan serbaguna telah dikenal pasti dan ini tidak termasuk empangan yang telah sedia ada di kawasan negeri Kedah, Perak, Johor, Pahang dan Kelantan. Kajian keseluruhannya dijangka akan siap pada akhir tahun 1982.

Kementerian Pertanian sedang berusaha menjadikan sektor pertanian satu bidang pekerjaan yang menarik minat kaum belia, dengan memodenkan lagi perusahaan pertanian. Bagi memodenkan perusahaan pertanian ini petani-petani adalah digalakkan untuk menjadi ahli pertubuhan peladang bagi tujuan menjalankan kegiatan pertanian secara

berkelompok supaya dapat menggunakan teknologi moden seperti jentera-jentera dan bahan-bahan input dengan kos pengeluaran yang lebih rendah. Dengan pemansuhan cukai-cukai impot jentera dan berbagai input pertanian sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, adalah diharapkan penggunaan jentera-jentera akan bertambah dan sektor pertanian akan lebih menarik lagi.

Di bawah program menggalakkan pengeluaran tanaman, Kerajaan telah menyediakan subsidi baja padi untuk petani-petani tulin yang mengerjakan sawah. Sejumlah \$130 juta telah diperuntukkan untuk rancangan ini bagi tahun 1982. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai penyelewengan dalam pemberian subsidi baja ini. Adalah dimaklumkan di dalam melaksanakan skim subsidi baja padi, Kementerian Pertanian memastikan bahawa petani-petani tulin iaitu petani-petani yang mengerjakan sawah sahaja yang menerima subsidi tersebut. Bagi menentukan petani-petani tulin tersebut Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung telah diminta menentukan siapakah petani-petani di kawasan-kawasan mereka yang layak memohon dan semua permohonan-permohonan yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung ditapis dan diluluskan oleh Jawatankuasa Penapis yang ditubuhkan oleh Kementerian Pertanian. Dari itu setahu saya tidak ada pihak lain yang menjalankan pengeluaran baja-baja ini kepada penanam-penanam padi melainkan pegawai-pegawai Kementerian yang di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang dan penyelewengan setakat ini belum ada dilakukan lagi yang melibatkan pegawai-pegawai Kementerian. Bagi petani-petani yang belum mendapat kemudahan ini adalah dinasihatkan supaya memohon mengikut saluran yang disebutkan tadi.

Menjawab kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jerai supaya menyelaraskan agensi-agensi pertanian di bawah pembangunan pertanian adalah dimaklumkan bahawa perkara ini memanglah sudah menjadi satu strategi utama Kementerian ini. Kementerian Pertanian

telahpun melaksanakan dua belas kawasan projek pembangunan kawasan berpandukan kepada strategi ini. Di bawah rancangan pembangunan kawasan yang disatukan ini semua agensi akan memainkan peranan masing-masing dalam peringkat pengeluaran hinggalah ke peringkat pemasaran secara berpadu. Tanggungjawab menyelaraskan pelaksanaan aktiviti di semua kawasan itu adalah ditentukan kepada Pengarah Projek itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada soal perikanan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Petaling mengenai penguatkuasaan Peraturan-peraturan Perikanan 1980 yang telah dikuatkuasakan pada 1hb Julai, 1981 beliau berkehendakkan supaya dilanjutkan tempoh yang diberi kepada nelayan-nelayan sebelum mereka menyesuaikan enjin dan pukut tunda mereka sama ada menggunakan corak penangkapan ikan secara tradisional atau secara pukut tunda, yang mana mereka harus membesarkan lagi enjin bot mereka.

Peraturan-peraturan ini dikuatkuasakan adalah bertujuan untuk menyelamatkan sumber-sumber perikanan supaya tidak merosot dan menjamin pengeluaran ikan negara yang berterusan, di samping membantu nelayan-nelayan tradisional. Kerajaan telahpun memberi masa dan notis yang cukup kepada nelayan-nelayan pukut tunda supaya mengambil langkah-langkah yang perlu sebelum peraturan-peraturan ini dikuatkuasakan. Dalam masa peralihan ini pihak Kerajaan telah memberi beberapa pilihan kepada nelayan-nelayan yang terlibat iaitu sama ada mereka meneruskan penggunaan pukut tunda atau menukar balik kepada pukut tradisional. Subsidi untuk mendapat pukut tradisional ini boleh didapati daripada Jabatan Perikanan. Bagi mereka yang hendak meneruskan penggunaan pukut tunda iaitu di luar kawasan 5 batu, Kerajaan juga ada menyediakan kemudahan untuk mengadakan bot yang lebih besar lagi membolehkan mereka bekerja di kawasan tersebut. Dari itu adalah tidak perlu bagi Kerajaan untuk melanjutkan lagi tempoh peralihan tersebut kerana masa dan pilihan yang diberi adalah mencukupi untuk mereka.

Menjawab kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang iaitu mengenai keselamatan nelayan adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan dengan kerjasama Tentera Laut Diraja dan Polis Diraja sedang menjalankan operasi bersama bagi mengadakan rondaan-rondaan di sekitar perairan negara kita. Di dalam memperketatkan lagi langkah-langkah keselamatan ini Jabatan Perikanan telah menubuhkan 4 wilayah penguatkuasaan yang meliputi Semenanjung Malaysia yang berpangkalan di Pulau Pinang, Pelabuhan Kelang, Johor Bahru dan Kuala Trengganu. Langkah-langkah juga sedang diambil bagi memperbaiki lagi perhubungan di antara nelayan-nelayan bot-bot ronda dan bilik kawalan operasi melalui Radio Wireless yang didapati lebih efektif.

Di dalam menjamin bekalan ikan di negara kita sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu, kajian sumber-sumber perikanan sedang dan telah dijalankan oleh Jabatan Perikanan. Kajian tersebut adalah meliputi seluruh kawasan Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Hasil daripada kajian tersebut akan menentukan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menjamin sumber-sumber perikanan seperti mengadakan kegiatan pukut tunda di kawasan 5 batu dari pantai dan membesarkan mata pukut di bahagian kandul dari 1 inci kepada 1½ inci. Selain daripada itu pembinaan tukun-tukun tiruan dari tayar-tayar buruk adalah juga merupakan satu cara untuk membiak dan mengekalkan sumber-sumber perikanan.

Menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sandakan, mengenai Penguatkuasaan Akta Perikanan 1963 adalah dimaklumkan bahawa Akta ini meliputi Sabah dan Sarawak, tetapi pindaan kepada peraturan-peraturan November, 1981 hanya dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia sahaja.

Akhirnya, saya bagi pihak Menteri Pertanian mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan segala cadangan-cadangan dan teguran yang tidak dapat dijelaskan tadi akan diambil pertimbangan semasa menjalankan tugas ini nanti.

5.15 ptg.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Shariff Ahmad):** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab bagi Kementerian saya sendiri. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan yang memberikan pandangan atau komen berhubung dengan agensi-agensi di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Semuanya adalah berguna belaka dan ini akan dijadikan panduan dalam melaksanakan program-program pembangunan di bawah Kementerian ini.

Saya tidak berhajat ataupun mengulangi komen-komen yang membina dari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam pada itu saya suka hendak memberi sedikit penjelasan kepada Dewan kerana ada beberapa Ahli Yang Berhormat di sebelah sana, parti Pembangkang, yang cuba menimbulkan keraguan berhubung dengan usaha Kerajaan hendak meninggikan taraf hidup rakyat dalam sektor luar bandar. Misalnya, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling dan Bukit Bendera yang kononnya FELDA tidak mencerminkan komposisi kaum dan hanya mementingkan satu kaum sahaja, iaitu bumiputera manakala Wakil dari Baling pula menuduh Kerajaan, khasnya RISDA tidak berbuat apa-apa untuk membela pekebun-pekebun kecil yang saiz tanahnya kecil dan dengan demikian beliau mensifatkan gagal dalam usaha hendak menghapuskan kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil. Adalah tidak adil bagi Wakil-wakil dari Petaling dan Bukit Bendera semata-mata mengambil FELDA sebagai satu agensi sahaja untuk dijadikan jentera menyusun semula masyarakat.

Apa yang perlu diingatkan bahawa FELDA adalah salah satu agensi untuk berbuat demikian dan dalam usaha penyusunan semula masyarakat ini kita kena ambil kira bidang yang luas dan faktor-faktor yang menyeluruh. Dalam bidang pembangunan FELDA maka adalah perlu diambil kira dan dikaitkan dengan rakyat yang bergantung kepada getah. Ini sangat perlu kerana perusahaan getah sudah bertapak di negara kita ini sejak zaman penjajah dahulu, manakala FELDA hanya wujud dalam masa beberapa tahun sahaja.

Saya tidak hendak menyentuh ladang-ladang getah atau estet-estet yang besar kerana boleh dikatakan semuanya dikuasai oleh mereka bukan bumiputera, begitu juga saya tidak mahu menyentuh soal pemerosesan dan pemasaran getah kerana 80% dikuasai oleh orang ketiga dan boleh dikatakan semuanya orang bukan bumiputera. Dari segi dasarnya proses pengambilan peneroka FELDA adalah terbuka kepada semua kaum yang dapat memenuhi syarat-syarat FELDA. Adalah benar FELDA yang diusahakan dalam reserve Melayu di mana peserta-pesertanya diambil dari keturunan bumiputera sahaja. Dalam hal ini apa yang patut diambil kira bukan jumlah peserta semata-mata tetapi yang lebih penting ialah jumlah ekar untuk satu-satu orang dalam satu-satu kaum.

Dalam rancangan getah FELDA ada seramai lebih kurang 28,786 keluarga termasuk bukan bumiputera dengan lebih kurang 10 ekar sekeluarga, sebaliknya kedudukan pekebun kecil getah yang telah mendapat bantuan untuk tanaman semula adalah seperti berikut:

<i>Bilangan Pekebun-kecil Bumiputera</i>	<i>Jumlah Ekar</i>	<i>Hitung Panjang Satu Keluarga</i>
248,024 orang (63%)	786,611 .. (43%)	3 ekar
<i>Bukan Bumiputera</i>		
146,311 orang (37%)	1,023,930 (57%)	8 ekar

Peratus pekebun kecil bumiputera yang mengambil bahagian dalam Rancangan Tanaman semula ialah 63% tetapi keluasan ditanam semula ialah sebanyak 43% sahaja. Ini adalah kerana keluasan yang ditanam semula oleh pekebun kecil bukan bumiputera adalah lebih besar, iaitu lebih daripada dua kali ganda seperti saya katakan tadi 8 ekar orang-orang bukan bumiputera satu keluarga berbanding dengan 1 ekar bumiputera hitung panjang. Keluasan tanah pekebun-pekebun kecil ini tidak mungkin dapat ditambah kerana kekurangan tanah di negara kita dan mereka yang tidak mempunyai tanah (landless) adalah ramai, khususnya generasi muda.

Jumlah bantuan tanaman semula yang telah dibayar kepada pekebun kecil setakat akhir

tahun 1980 adalah sebanyak \$1,227.6 juta. Dari jumlah tersebut \$527.9 juta telah diberi kepada pekebun kecil bumiputera dan bakinya \$699.7 juta adalah diterima oleh pekebun kecil bukan bumiputera.

Apa yang saya harapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu supaya dapat mengambil sedikit masa menerangkan kepada mereka yang ragu terhadap konsep dan peranan FELDA. Jika Yang Berhormat itu menerangkan kepada pengikut-pengikutnya maka penerangannya itu lebih diterima oleh mereka tetapi sebaliknya jika Yang Berhormat itu sendiri menimbulkan keraguan terhadap peranan FELDA maka langkah itu bukan sahaja akan merenggangkan hubungan baik antara kaum, khasnya dalam FELDA sendiri, tetapi juga akan menimbulkan kemarahan kaum bumiputera yang baru saja mendapat peluang untuk membela diri. Rakyat bumiputera ini adalah golongan yang sabar tetapi jika dibangkitkan dengan tidak ada asasnya maka mungkin kesabaran mereka itu tidak dapat ditahan.

Kesabaran mereka ini tidak dapat dinafikan. Misalnya mereka tidak menimbulkan kedudukan New Village atau Kampung Baru. Dulunya Kampung Baru ini dibuka untuk masa darurat saja, tetapi sekarang ini tanah-tanah itu sudah dijadikan hak milik mereka. Bukan itu saja. Kawasan-kawasan ini sudah dimajukan dengan kesenangan-kesenangan moden dengan perusahaan-perusahaan yang tertentu dan menjadikan "self-contained". Kaum bumiputera tidak pun membuat apa-apa bantahan. Sebaliknya ahli-ahli UMNO khususnya berusaha supaya hak-hak milik tanah itu diberi kepada mereka. Mungkin saiznya kecil tetapi nilai tanah di New Village ini adalah lebih mahal harganya daripada tanah-tanah di kampung.

Satu perkara penting yang perlu diingatkan dalam proses pengambilan peneroka-peneroka FELDA ini ialah pemulihan bekas Pasukan Keselamatan. Pihak Kerajaan berusaha sedaya upaya yang boleh untuk memberikan tempat dalam rancangan-rancangan tanah kepada bekas Pasukan Keselamatan untuk membolehkan mereka mencari "nafkah" selepas bersara. Proses ini

dibuat oleh Kerajaan sebagai menghargai dan mengenangkan jasa mereka pada negara. Mereka menyabung nyawa dan oleh kerana pengorbanan mereka itulah kita dapat mencapai taraf kehidupan yang kita rasai sekarang ini.

Dalam konteks yang luas pula segala "revenue" yang diperolehi dalam program rancangan-rancangan tanah ini dimasukkan ke dalam khazanah negara dan merupakan sumbangan kepada perbelanjaan projek-projek yang lain yang penerima-penerima adalah rakyat dari semua keturunan. Sungguhpun golongan bukan bumiputera mungkin ramai tidak dapat masuk ke rancangan getah FELDA tetapi hasil atau "revenue" daripada proses pembukaan rancangan-rancangan tanah itu dapat memberi faedah kepada semua kaum; sepertilah juga dengan kedudukan sektor pekebun-pekebun kecil yang sebahagian besar daripada mereka terdiri daripada bumiputera tetapi faedah yang besar daripada perusahaan getah seperti prosesan dan pemasaran serta eksport adalah dikuasai oleh kaum bukan bumiputera iaitu lebih daripada 80%.

Wakil dari Baling membuat kesimpulan bahawa program Kerajaan atau RISDA untuk mengatasi kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil tidak berjaya mencapai matlamatnya kerana Kerajaan tidak berbuat apa-apa untuk menambah saiz tanah yang kecil di kalangan mereka itu.

Saya tidak menafikan saiz tanah getah mereka yang kecil seperti yang saya sebutkan tadi iaitu 3 ekar hitung panjang. Sungguhpun demikian, tidaklah bermakna Kerajaan tidak berbuat apa-apa untuk menambah pendapatan mereka itu. Ukuran Kerajaan hendak menghapuskan kemiskinan bukanlah diambil semata-mata atas saiz tanah atau pemberian tanah kepada rakyat semata-mata. Adalah mustahil bagi Kerajaan hendak memberi tanah kepada semua rakyat. Itulah sebabnya diadakan beberapa program pembangunan asalkan sahaja program itu "generate income" atau memberikan hasil pendapatan kepada rakyat.

Pekebun kecil misalnya. Sungguhpun hitung panjang pendapatan seseorang

penoreh getah itu hanya mendapat \$70 seekar sebulan selepas tanaman semula tetapi program Kerajaan mulai tahun ini ialah hendak membawa pekebun-pekebun kecil itu terlibat dalam proses perusahaan getah pada keseluruhannya. Dahulu mereka itu hanya sebagai penoreh getah tetapi dengan adanya program penggalak tanam semula (SEPENTAS), mulai tahun ini, maka adalah diharapkan pekebun-pekebun kecil dapat melibatkan diri dalam perusahaan getah seluruhnya. Menoreh getah adalah sebahagian daripada perusahaan getah. Kita berkehendakkan pekebun-pekebun kecil mengambil bahagian bukan setakat menoreh getah tetapi dalam pasaran dan aktiviti-aktiviti perusahaan getah termasuk eksport getah, kerana di sinilah pendapatan atau wang yang banyak diperolehi. Dengan RISDA diberi lesen mengeksport getah terus keluar negeri mulai bulan September baru lalu, maka saluran atau infrastruktur untuk pekebun-pekebun kecil melibatkan diri dalam perusahaan getah sudah disediakan. Ini perlu kerana 80% daripada pemasaran getah ataupun aktiviti-aktiviti pemasaran adalah dalam tangan orang ketiga seperti yang saya sebutkan tadi dan 15% MARDEC dan RISDA baru mendapat 5%.

Program Penggalak Tanam Semula (SEPENTAS) mulai tahun ini adalah seperti berikut:

- Bayaran* — Tanam semula dinaikkan dari \$1,200 kepada \$2,200 seekar. Inilah sebagai langkah untuk mengatasi kos tanaman semula yang melambung naik.
- Sara Hidup*— Kerajaan memberikan sara hidup sebanyak \$100 sebulan selama 6 tahun satu keluarga iaitu semasa getah itu tidak mengeluarkan hasil.
- Saham* — Mereka yang mempunyai tanah lima ekar ke bawah tanah getah (yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu dalam ucapannya) akan diberikan saham sebagai

tambahan pendapatan kepada mereka yang saiz tanahnya kecil. Saham itu diberi kepada mereka seperti:

- 5 ekar — 1 unit berjumlah 10 saham.
- 4 ekar — 2 unit berjumlah 20 saham.
- 3 ekar — 3 unit berjumlah 30 saham.
- 2 ekar — 4 unit berjumlah 40 saham.
- 1 ekar — 5 unit berjumlah 50 saham.

Tujuan yang besar ialah untuk membawa tahap pendapatan pekebun-pekebun kecil kepada paras tahap kemiskinan (poverty level). Ini bermakna pendapatan mereka daripada tanah getah lima ekar ke bawah dan ditambah pula dengan "dividen" saham yang diperolehi maka adalah diharapkan pendapatan mereka itu akan menjadi selesa untuk kehidupan keluarga mereka. Di bawah skim ini adalah dianggarkan seramai 280,000 keluarga pekebun kecil dari berbilang keturunan akan mendapat faedah. Skim ini baru bermula tahun ini dan akan mengambil masa ataupun berjalan selama 10 tahun.

Dengan demikian adalah diharapkan pekebun-pekebun kecil tampil ke hadapan untuk merebut peluang ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diharapkan membawa pekebun-pekebun kecil untuk bersama-sama dalam program ini untuk menambah pendapatan mereka yang sudah ada dan yang diperlukan semata-mata penglibatan mereka dalam program ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak menambah lagi apa-apa hanya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian dan saya yakin dan percaya segala hujah itu akan menjadi panduan dan bagi pihak saya yang bertanggungjawab dalam Kementerian ini akan mengambil kira semasa melaksanakan program-program Kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk menjawab.

5.28 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Sharir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan syor-syor berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan izinkan saya mengulas beberapa syor atau pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyeru Kerajaan supaya menggalakkan dengan lebih giat lagi perkembangan industri-industri di kawasan luar bandar. Sukacita saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa salah satu dasar utama yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam pembangunan perindustrian ialah penyelerakan industri-industri ke kawasan-kawasan luar bandar. Selain daripada hasrat untuk mengwujudkan pembangunan yang lebih seimbang di antara kawasan-kawasan, dasar ini juga bertujuan untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi penduduk-penduduk di kawasan ini. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan termasuklah kawasan perindustrian dan kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar dan kurang maju; kajian semula insentif-insentif bagi kawasan-kawasan kurang maju serta layanan istimewa dari segi pemberian insentif untuk projek-projek perindustrian yang ditempatkan di kawasan kurang maju.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, syarikat-syarikat perintis di kawasan-kawasan kurang maju yang telah diwartakan sebagai kawasan pembangunan biasanya layak mendapat 8 tahun pengecualian cukai iaitu 2 tahun permulaan, 3 tahun tambahan sekiranya syarikat itu telah membelanjakan \$1 juta atau lebih ke atas harta tetap, 1 tahun tambahan jika bertapak di kawasan pembangunan, 1 tahun lagi jika syarikat itu mengeluarkan keluaran-keluaran yang diisytiharkan sebagai keluaran utama dan seterusnya mendapat 1 tahun tambahan jika syarikat tersebut menggunakan sekurang-kurangnya 50% bahan-bahan tempatan. Umpamanya pada masa ini Negeri Kedah

(tidak termasuk daerah Kuala Muda) telah diisytiharkan sebagai kawasan galakan tempat kedudukan. Ini bermakna syarikat yang menikmati galakan ini layak mendapat pengecualian cukai maksima untuk tempoh 10 tahun. Sebaliknya Negeri Perak yang lebih maju dari Negeri Kedah dari segi kemajuan perindustrian, tidak diisytiharkan sebagai kawasan galakan tempat kedudukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedang menjalankan kajian mengenai kedudukan kawasan pembangunan serta kawasan galakan tempat kedudukan untuk memastikan supaya rancangan Kerajaan untuk menggalakkan penubuhan projek-projek perusahaan di luar bandar dapat dipertingkatkan. Sukalah ditegaskan bahawa sebuah syarikat tidak diberikan galakan secara automatik berasaskan penempatan sahaja. Tetapi ciri-ciri lain seperti taraf teknologi keluaran dan sumbangan keseluruhan projek perindustrian terhadap pembangunan negara diambil kira juga.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga mengesyorkan supaya lebih banyak industri-industri didirikan di Negeri Perlis. Sukacita saya memaklumkan bahawa Negeri Perlis sebagai sebuah Negeri yang kurang maju memanglah mendapat layanan yang sama seperti yang saya nyatakan sebentar tadi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat buat masa ini sudah terdapat 6 buah industri yang telah memulakan pengeluaran di Negeri Perlis dengan jumlah pelaburan lebih dari \$148 juta dan jumlah pekerja 1,137 orang. Walau bagaimanapun, untuk menarik lebih banyak lagi pelabur-pelabur ke Negeri Perlis sebuah kawasan perindustrian seluas 33.8 ekar akan dibuka di Jejawi iaitu tiga batu daripada bandar Kangar. Kawasan perindustrian ini dijangka siap menjelang tahun 1982. Kementerian saya telah memberi bantuan dari segi perancangan dan akan menggalakkan penubuhan projek-projek perindustrian di kawasan ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan telah mencadangkan supaya HICOM digalakkan bagi mengeluarkan mesin-mesin berat agar negara kita tidak terlalu bergantung kepada import mesin-mesin itu. Sukacita saya

menjelaskan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, sememangnya memerlukan pembelian berbagai jenis mesin berat dalam usaha mempermodenkan lagi pelbagai aktiviti ekonomi seperti dalam bidang pertanian dan perusahaan. Tetapi oleh kerana negara kita adalah sebuah negara yang kecil, permintaan bagi tiap-tiap jenis mesin berat itu tidaklah begitu besar terutama pada peringkat ini bagi menyokong satu perusahaan mengeluarkan mesin-mesin itu melainkan jika kita dapat bertanding dalam pasaran yang lebih luas. Oleh itu strategi yang telah dirancang oleh HICOM bagi memasuki bidang perindustrian berat ialah untuk memasuki bidang-bidang yang boleh menentukan bahawa kos pengeluaran bagi barangan itu adalah 'competitive' dan permintaan dalam negeri juga agak mencukupi bagi menentukan projek itu mendapat pulangan modal yang memuaskan.

Selaras dengan strategi tersebut HICOM pada masa ini sedang mengkaji kemungkinan untuk mengadakan satu perindustrian pengeluaran Tractor Undercarriage iaitu bahagian-bahagian daripada sebuah tractor yang perlu diganti dalam masa yang singkat seperti 'track, pin, roller' dan sebagainya. Dengan permulaan ini, adalah diharapkan secara berperingkat lebih banyak bahagian sesebuah tractor itu dapat dikeluarkan di dalam negeri sehinggakan pada satu hari kelak negara kita dapat mengeluarkan tractor sendiri. Selain daripada itu HICOM juga sedang merancang penubuhan sebuah kompleks kejuruteraan untuk meningkatkan lagi kemampuan negara mengeluarkan alat-alat ganti bagi mesin-mesin berat dan juga kelengkapan-kelengkapan yang diperbuat daripada besiwaja. HICOM juga sedang mengkaji untuk mengeluarkan jentera-jentera berenjin kecil.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya Kerajaan mengadakan tabung pinjaman atau subsidi sebanyak \$1,000 juta untuk HICOM, izinkan saya memaklumkan bahawa memanglah menjadi tujuan Kerajaan untuk memberi sokongan kewangan secukup-cukupnya kepada HICOM. Sepertimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, HICOM

selaku syarikat yang dimiliki 100% oleh Kerajaan akan memerlukan pelaburan modal sepenuhnya daripada Kerajaan daripada masa ke semasa di peringkat permulaan ini setimbang dengan projek-projek yang dikenalpasti dan dilaksanakan olehnya.

Selaras dengan strategi Kerajaan bagi menggalakkan perkembangan sektor perindustrian di negara ini, di samping galakan yang diberi kepada industri sederhana dan berat, Kerajaan juga mengangap sektor perusahaan kecil mempunyai peranan yang tidak kurang penting ke arah mencapai matlamat itu. Sektor perusahaan kecil yang kukuh akan dapat membantu perkembangan perindustrian pada keseluruhannya di negara kita ini. Selain daripada itu sektor perusahaan kecil ini akan dapat memberi peluang pekerjaan yang lebih, menggalakkan penggunaan sumber-sumber negara dengan sepenuhnya serta menambahkan golongan usahawan-usahawan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab Kementerian saya adalah untuk menggalakkan lagi perkembangan perusahaan kecil di negara ini agar ianya menjadi lebih teratur. Bahagian Perusahaan Kecil di Kementerian saya akan memperbanyakkan lagi usaha-usaha menyelaraskan dasar-dasar, strategi-strategi dan program-program yang sekarang ini dilaksanakan oleh pelbagai agensi Kerajaan agar usahawan-usahawan kecil mendapat faedah sepenuhnya daripada dasar-dasar dan program-program tersebut. Dalam hubungan ini saya sukalah menyeru supaya usahawan-usahawan kecil di negara ini terutamanya bumiputera tampil ke hadapan dan menghubungi Bahagian Perusahaan Kecil di Kementerian saya bagi mendapatkan bantuan dan nasihat berkaitan dengan sebarang masalah yang dihadapi oleh mereka. Bahagian tersebut boleh juga menghubungkan mereka dengan Jabatan-jabatan atau agensi-agensi Kerajaan atau pihak swasta yang tertentu yang menyediakan kemudahan-kemudahan khas untuk membantu perusahaan kecil. Bahagian Perusahaan Kecil seterusnya akan membuat tindakan susulan untuk memastikan segala langkah diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Dungun supaya Kerajaan melatih lebih ramai lagi bumiputra di bidang industri perhotelan, sukacita saya memaklumkan bahawa Pusat Daya Pengeluaran Negara di bawah Kementerian saya memang sudah ada menjalankan berbagai kursus untuk penyelia dan pengusaha-pengusaha bumiputra di bidang perhotelan dan juga restoren. Di samping itu Pusat Daya Pengeluaran Negara juga sedang membina sebuah Institut Latihan Pengurusan Perhotelan yang dijangka akan siap pada pertengahan tahun hadapan. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak Institut Teknologi MARA juga ada menjalankan latihan yang serupa. Dengan adanya latihan-latihan tersebut di atas maka lebih ramai lagi bumiputra akan dapat menerima latihan di bidang perhotelan itu.

Kementerian saya bersetuju sepenuhnya dengan ulasan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun supaya Pemandu-pemandu Pelancong (Tourist Guides) diberi kursus terlebih dahulu sebelum menjalankan tugas-tugas mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus seperti yang dimaksudkan itu memang telah diadakan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan sejak tahun 1974 lagi. Dan sehingga bulan September, 1981 sebanyak 30 kursus telahpun diadakan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya mereka yang telahpun mengikuti kursus yang dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan (Perakuan dan Pengawalan Pemandu) 1976 dibenar menjalankan tugas-tugas sebagai pemandu pelancong.

Untuk mengawal dan menyelaras kegiatan-kegiatan pemandu pelancong di seluruh negara, Perbadanan Kemajuan Pelancongan telahpun menguatkuasakan undang-undang kecil yang dinamakan Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Pelancongan (Perakuan dan Pengawalan Pemandu) 1976 yang telahpun dikuatkuasakan di seluruh Semenanjung Malaysia mulai dari 15-3-76 dan di Sabah dan Sarawak mulai dari 1-12-1978. Sehingga 31-10-1981, sejumlah 984 pemandu pelancong telahpun mendaftarkan diri dengan Perbadanan ini setelah lulus dalam kursus-kursus yang dihadiri.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara kenaikan harga serta mengesyorkan supaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengambil langkah-langkah yang tegas bagi mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan orang ramai. Berhubung dengan perkara ini Kementerian saya telahpun menerangkan dengan jelas langkah-langkah yang telah dan sedang diambil dalam Dewan yang mulia ini dalam persidangan-persidangan Dewan yang lepas dan saya tidak berhajat mengulangi langkah-langkah itu.

Walau bagaimanapun, sukacita saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa pengawalan harga tidak bermakna harga barang-barang tidak akan naik langsung. Sebaliknya tujuan kawalan harga ialah untuk memastikan bahawa harga barang-barang ini berada di paras yang menasabah demi untuk menjamin kepentingan para pengguna yang inginkan harga yang berpatutan di samping bekalan yang mencukupi dan kepentingan pengeluar yang memerlukan satu pulangan yang berpatutan.

Sukacita saya menegaskan sekali lagi bahawa sebarang langkah untuk membendung inflasi serta mencegah amalan-amalan yang curang tidak akan membawa kejayaan sekiranya pihak pengguna sendiri tidak memainkan peranan yang sepatutnya. Pengguna wajiblah juga bijak berbelanja serta berjimat di dalam penggunaan barang-barang perlu agar jangan membazir. Di samping itu pengguna-pengguna juga hendaklah bertindak selaku "watch dog" kepada Kerajaan. Segala amalan-amalan perdagangan yang tidak sihat hendaklah dilaporkan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Dengan kemelesetan pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian serta meningkatnya tekanan inflasi dan perlindungan ke atas import barangan-barangan perkilangan dan separuh perkilangan, Kementerian saya telah menyusun strategi bagi memperhebatkan eksport barangan-barangan tersebut ke pasaran-pasaran baru yang masih belum diterokai sepenuhnya oleh para pengeksport kita. Pasaran-pasaran baru yang dimaksudkan

adalah di pasaran di negara-negara membangun seperti Afrika, Asia Barat, Amerika Latin dan juga di negara-negara Blok Sosialias di Eropah Timur. Bagi mencapai matlamat mempelbagaikan pasaran-pasaran eksport negara kita serta mengurangkan pergantungan eksport kita ke negara-negara maju. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengambil beberapa langkah seperti menghantar rombongan-rombongan perdagangan, menganjurkan penyertaan di pameran-pameran perdagangan antarabangsa serta membuka pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di negara-negara berkenaan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah mengesyorkan supaya Kerajaan menambahkan eksport ke negara-negara Asia Barat dan Australia. Dalam hubungan ini sukacita saya maklumkan bahawa negara-negara kita kini mempunyai 3 buah pejabat Perdagangan iaitu di Jeddah, Kuwait dan Dubai yang berfungsi mempergiatkan kemasukan barang-barang perdagangan Malaysia ke Asia Barat. Pejabat-pejabat Perdagangan ini ditubuhkan khusus untuk membantu para pengeksport Malaysia menembusi pasaran Asia Barat dengan membekalkan maklumat peluang-peluang pasaran serta memperkenalkan barangan-barangan Malaysia di sana. Pesuruhjaya Perdagangan kita menjalinkan hubungan rapat dengan para-peniaga tempatan. Dewan-dewan Perniagaan serta badan-badan Kerajaan di mana mereka ditugaskan untuk mempergiatkan Perdagangan eksport Malaysia di Asia Barat. Demikianlah juga halnya dengan pejabat perdagangan Malaysia di Sydney di dalam usaha meningkatkan eksport Malaysia ke Australia.

Di samping usaha-usaha yang dijalankan oleh Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan, Kementerian saya juga dari masa ke semasa menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke negara-negara berkenaan bagi memperkenalkan barang-barang buatan Malaysia serta memberi peluang kepada para pengeksport mengenali dengan lebih dekat keadaan pasaran di sana. Dalam tahun 1981 ini kita telah menghantar satu rombongan perdagangan ke Asia Barat dan dua ke Australia. Begitu juga bagi tahun 1982

Kementerian saya bercadang untuk menghantar satu rombongan perdagangan ke Asia Barat dan dua rombongan ke Australia.

Selain dari menghantar rombongan-rombongan perdagangan, Kementerian saya juga menganjurkan penyertaan Malaysia di pameran-pameran perdagangan di Asia Barat dan Australia. Dalam tahun 1981 negara kita telah menyertai dua pameran perdagangan di Saudi Arabia dan United Arab Emirate dan satu pameran perdagangan di Australia. Bagi tahun 1982 pula Negara kita akan menyertai satu pameran perdagangan di Iraq dan dua pameran perdagangan di Australia. Selain daripada itu Kementerian saya juga dari masa ke masa mengadakan kursus-kursus dan seminar-seminar khusus bagi pengeksporth-pengeksporth tempatan mengenai peluang-peluang pasaran di luar Negeri termasuklah pasaran di Asia Barat dan Australia.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah ulasan-ulasan Kementerian saya terhadap syor-syor dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya suka mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan serta syor mereka. Dan kiranya ada pandangan-pandangan yang tidak diulas oleh saya di sini, memadailah bagi saya menyatakan bahawa pandangan-pandangan itu akan menerima perhatian daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah diberitahu empat Kementerian tidak akan memberikan jawapannya, Kementerian-kementerian itu sama ada tidak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa perbincangan atau menyentuh sedikit-sedikit sahaja yang tidak perlu dijawab iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat; Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian Kebajikan Am. Oleh itu sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan memberikan jawapannya.

5.46 ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustafa):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk

mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan yang telah diadakan semenjak 27-10-81 yang lalu khasnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran, aduan dan lain-lainnya mengenai Kementerian saya. Namun demikian, saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu perkara-perkara yang dibangkitkan itu adalah terlalu umum dan setengah-setengah pula telah pun dijawab di dalam perbincangan-perbincangan yang lepas. Oleh itu, saya akan menjawab beberapa perkara yang penting sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Petaling telah menyentuh beberapa perkara tentang pertahanan di antaranya, beliau tidak begitu bersetuju dengan peruntukan belanjawan pertahanan sebanyak \$9.3 billion kerana ini bertentangan dengan kenyataan Perdana Menteri bahawa Vietnam bukanlah merupakan ancaman besar kepada Malaysia.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini peruntukan belanjawan pertahanan yang diberikan oleh Kerajaan tidaklah dianggap terlalu besar kerana belanjawan pertahanan ini adalah termasuk di dalam rancangan pembesaran pertahanan negara yang meliputi berbagai-bagai rancangan seperti rancangan latihan, rancangan pembelian alat-alat pertahanan, senjata baru dan moden, pesawat udara, kapal laut, kereta kebal dan juga pembesaran jumlah anggota tetap dan sukarela. Jumlah ini adalah seimbang dengan kehendak negara untuk berdikari dalam segala hal pertahanan. Pembesaran tentera dalam Rancangan Malaysia Keempat selain mempertingkatkan kebolehan menentang komunis dalam counter insurgency akan menubuhkan kebolehan peperangan konvensional yang memerlukan perbelanjaan yang besar berbeza dari keadaan biasa di masa-masa yang lampau.

Sebagaimana kita semua maklum, pembesaran Angkatan Tentera adalah bertujuan untuk mempertahankan kedaulatan negara dari segala macam ancaman sama ada dari dalam mahupun dari luar supaya negara kita boleh bergerak maju dalam segala aspek. Yang Berhormat juga

telah melahirkan rasa kesangsian beliau terhadap kemungkinan rampasan kuasa oleh pihak tentera akibat proses pembesaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh yakin tentang ketaatsetiaan yang ditunjukkan oleh Angkatan Tentera kita terhadap Kerajaan. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, Angkatan Tentera bersama-sama Kerajaan telah membuktikan kejayaan untuk terus berusaha mendokong konsep demokrasi ini. Dengan adanya pasukan pertahanan yang kuat dengan pegangan disiplin yang tinggi soal rampasan kuasa Kerajaan oleh tentera tidak timbul langsung. Beliau juga mencadangkan supaya pengambilan anggota Angkatan Tentera tidak tertumpu kepada satu-satu kaum sahaja. Anggapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar sama sekali. Sebagaimana yang pernah dinyatakan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, Kementerian saya sentiasa menggalakkan rakyat Malaysia tidak mengira kaum, agama dan keturunan untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia dan sama-sama mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara. Kerajaan tidak berhajat untuk memaksa rakyat berkhidmat dalam Angkatan Tentera kerana pertahanan negara adalah tanggungjawab semua warganegara. Memang benar sehingga ke hari ini keanggotaan dalam ketiga-tiga cawangan Angkatan Tentera menunjukkan kebanyakan terdiri dari bumiputra, ini bukanlah bermakna peluang hanya diberi kepada mereka sahaja, keadaan seperti ini tidak boleh dielakkan oleh kerana kaum-kaum lain kurang berminat untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera. Pihak Angkatan Tentera sentiasa mengambil langkah-langkah dan berusaha untuk menarik minat orang ramai untuk memasuki Angkatan Tentera melalui berbagai-bagai sebaran am seperti suratkhbar, radio, penyiaran melalui Jabatan-jabatan Penerangan Negeri dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh perkara mee segera dengan bertanya mengapakah Kementerian Pertahanan hanya mengadakan Lembaga Penyiasat setelah keluarnya Laporan Odit, sedangkan perkara ini telah dilaporkan kepada BSN sejak awal tahun 1978.

Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu bahawa sebenarnya perkara ini telahpun disiasat oleh pihak Kementerian saya sebelum ianya sampai ke pengetahuan BSN. Unit Odit dalam Kementerian Pertahanan ini telah menyiasat perkara ini dan telah mengemukakan laporannya kepada pihak pengurusan di Kementerian ini yang mana setelah mengkaji laporan tersebut mendapati bahawa perkara ini harus disiasat dengan lebih mendalam oleh pihak yang sesuai.

Berikutan dengan ini BSN telah memulakan penyiasatannya sendiri dengan mengambil beberapa dokumen yang berkaitan dari Kementerian Pertahanan. Memandangkan bahawa pihak BSN telah memulakan penyiasatannya, maka pihak Kementerian telah tidak mengadakan badan penyiasatannya sendiri kerana peraturan seperti ini sudah tentu akan membawa duplicating of efforts, lebih-lebih lagi pihak BSN adalah didapati badan yang sesuai yang patut menguruskan penyiasatan ini kerana ini adalah termasuk dalam tugas-tugas dan tanggungjawab badan tersebut. Namun demikian Kementerian Pertahanan sentiasa bersedia memberi apa-apa kerjasama dan pertolongan yang diperlukan oleh badan itu.

Penubuhan Lembaga Penyiasat yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah hasil dari satu cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang menimbangkan Laporan Odit tahun 1977 baru-baru ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Baling, Tumpat dan Sri Gading turut menyokong dan mengalu-alukan peruntukan yang telah diberikan kepada Kementerian Pertahanan. Di samping itu Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menyarankan supaya Kementerian Pertahanan berhati-hati dalam memilih senjata dan alat-alat kelengkapan pertahanan. Adalah menjadi dasar Kementerian ini dan pihak Angkatan Tentera untuk memilih senjata dan alat-alat yang sesuai bagi memenuhi objektif tentera dan keheandak negara sejajar dengan keupayaan membeli dan pengurusan pengendaliannya.

Dalam setiap pembelian senjata dan alat-alat kelengkapan Angkatan Tentera, selalunya dilakukan satu proses penaksiran

(evaluation) dan percubaan (trial) yang rapi. Proses ini dilaksanakan untuk menentukan supaya senjata dan alat-alat kelengkapan tersebut dapat digunakan untuk jangka masa yang panjang dan bersesuaian pula dengan kehendak dan keadaan tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas pula meminta supaya Kementerian ini menyegerakan pembinaan sebuah kem tentera di antara Lenggong dan Kroh bagi tujuan menjamin dan mengawal keselamatan. Sebenarnya buat masa ini pihak tentera telah pun mempunyai kem-kem operasi di antara kawasan Lenggong dan Kroh iaitu sebuah kem di Gerik dan sebuah Kem lagi di Klian Intan untuk mengawasi keadaan keselamatan di sekitar kawasan Lenggong dan Kroh. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian ini ada rancangan untuk membina kem tetap di kawasan tersebut dan ini tertakluk kepada kelulusan tanah yang dipohon dari Kerajaan Negeri Perak.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyentuh tentang kemudahan mengundi di kalangan anggota-anggota tentera tetap dan wataniah termasuk keluarga mereka. Tuan Yang di-Pertua, setiap kali Kerajaan mengisytiharkan untuk mengadakan pilihanraya umum, Jabatan Arah Rekod dan Pencen, Kementerian Pertahanan akan mengadakan satu Jawatankuasa Kerja untuk membincang dan mengaturkan cara-cara dan tindakan yang berkesan supaya semua anggota-anggota di mana sahaja mereka berada akan mendapat peluang untuk membuang undi tanpa hadir.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini sedia maklum, anggota-anggota tentera dan keluarga masing-masing boleh mengundi tanpa hadir. Tiap-tiap kali pilihanraya berjalan, kertas-kertas undi akan dimajukan kepada anggota-anggota tentera di seluruh Malaysia melalui wakil-wakil yang telah ditetapkan bagi tiap-tiap negeri. Wakil-wakil ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai tentera yang telah ditetapkan oleh panglima-panglima di kawasan mereka dan perhubungan adalah disalurkan melalui pegawai-pegawai ini.

Jabatan Arah Rekod dan pencen adalah bekerjasama rapat dengan pihak Suruhanjaya

Pilihanraya dalam hal-hal yang berkaitan seperti membekalkan borang-borang ini yang telah diisi oleh unit-unit untuk didaftarkan bagi anggota-anggota sebagai seorang pengundi tanpa hadir. Kertas-kertas undi ini dimajukan kepada mereka yang berkenaan dengan menggunakan kereta-kereta, keretapi, kapal terbang dan helikopter. Helikopter digunakan bagi anggota-anggota yang tinggal di kawasan pendalaman, di hutan-hutan di mana perhubungan didapati sukar. Anggota-anggota yang membuat kerahan sepenuh masa juga membuang undi mengikut cara anggota-anggota biasa. Dengan peraturan dan kemudahan yang saya nyatakan tadi masalah kesukaran membuang undi di kalangan anggota-anggota tentera tidak timbul.

Selain daripada perkara pilihanraya, Ahli Yang Berhormat itu juga menggesa supaya anggota-anggota tentera yang tamat menjalani latihan peralihan hendaklah diserapkan secara automatik ke dalam jawatan tetap seperti kerani dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, memang ada anggota-anggota tentera yang diserapkan bekerja dengan jabatan Kerajaan selepas menamatkan latihan peralihan masing-masing. Mereka ini diserapkan setelah memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dan lazimnya mereka juga dikehendaki mengemukakan permohonan pekerjaan mengikut peraturan biasa. Anggota-anggota tentera yang sedang menjalani latihan peralihan adalah digalakkan untuk berusaha mencari pekerjaan sejak awal lagi supaya mereka dapat diserapkan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan jika didapati layak selepas tamat latihan peralihan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sukalah saya jelaskan sedikit di sini iaitu Kementerian saya memanglah mengambil tindakan-tindakan untuk meringankan dan mengatasi kesukaran yang dihadapi oleh bekas-bekas perajurit. Sebelum seseorang anggota tentera itu berhenti, mereka diberi peluang dan galakan untuk menjalani latihan peralihan selama di antara 6 hingga 18 bulan dalam berbagai-bagai jenis kursus seperti kursus vokasional, teknikal, pertanian dan rancangan tanah, latihan penyesuaian sambil bekerja dan juga

latihan perniagaan dan pengurusan. Semua kursus-kursus yang saya nyatakan ini adalah difikirkan dapat membekalkan anggota-anggota tersebut dengan sedikit kemahiran dan kebolehan untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai bila mereka berhenti dari perkhidmatan tentera. Dengan kemahiran yang ada pada mereka dapatlah mereka memiliki kerja-kerja yang sesuai dengan bidang kemahiran mereka sama ada di Jabatan-jabatan Kerajaan ataupun swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kangar dalam perbahasan baru-baru ini telah meminta supaya elaun untuk Askar Wataniah dinaikkan. Suka saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan memang memandang berat terhadap pasukan simpanan ataupun Askar Wataniah ini dan dalam usaha bagi memperkembangkan Angkatan Tentera kita, pasukan simpanan adalah sebahagian daripada usaha itu. Dalam hubungan ini, elaun-elaun bagi Askar Wataniah dan lain-lain pasukan sukarelawan sentiasa mendapat perhatian dan pertimbangan oleh Kerajaan. Satu kajian untuk menyemak semula kadar elaun yang ada sekarang sedang dibuat. Saya sedar kajian ini memang perlu dibuat memandangkan keadaan inflasi dan sara hidup yang kian meningkat dari tahun ke tahun. Kajian untuk menaikkan elaun ini akan memakan masa sedikit kerana ia bukan sahaja melibatkan pasukan Wataniah tetapi juga lain-lain pasukan sukarela dalam agensi-agensi awam.

Menyentuh tentang disiplin di kalangan anggota-anggota tentera, Yang Berhormat itu juga menggesa supaya perkara ini dititikberatkan. Tuan Yang di-Pertua, Angkatan Tentera Malaysia sememangnya berkehendakkan taraf disiplin yang tinggi di kalangan anggota-anggotanya. Pihak Angkatan Tentera sentiasa mengawasi soal disiplin ini. Tindakan tatatertib dan hukuman tertentu mengikut undang-undang ketenteraan tetap dikenakan terhadap anggota-anggota yang didapati bersalah dan dengan ini dapat menertukan disiplin ketenteraan yang ketat dipatuhi supaya tidak menjejaskan nama baik Angkatan Tentera.

Kegiatan agama seperti mengadakan syarahan, kursus dan khemah ibadah untuk

membentuk moral dan semangat angkatan tentera sentiasa dititikberatkan. Ini adalah untuk meninggikan lagi disiplin dan menentukan keperibadian dan kerohanian yang sihat di kalangan angkatan tentera.

Dalam pengambilan anggota-anggota baru berkhidmat dalam pasukan angkatan tentera selain dari kelulusan akademik, kesihatan fizikal dan mental soal-soal keperibadian dan latar belakang anggota baru itu juga diambil kira. Ini adalah untuk menentukan supaya anggota-anggota itu nanti dapat dibentuk untuk menjadi anggota tentera yang benar-benar berdisiplin dan berhemah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, Tanjong Karang, Sri Gading dan Labuk Sugut juga mengesyorkan supaya angkatan tentera kita dilengkapi dengan senjata dan alat moden. Sebagaimana yang saya telah nyatakan sebentar tadi langkah pembesaran dan perkembangan termasuk pembelian kelengkapan yang lebih moden dan sophisticated untuk ketiga-tiga perkhidmatan angkatan tentera telah dan sedang dijalankan.

Yang Berhormat dari Batang Lupar itu juga mencadangkan supaya Sarawak dan Sabah dijadikan kawasan untuk menetapkan tentera ASEAN. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum ASEAN bukanlah satu pertubuhan pakatan tentera. Tujuan ASEAN adalah berasaskan kepada hasrat ke semua lima negara anggota untuk mencapai pembangunan serantau dalam suasana kebebasan, keamanan dan berkecuali dan buat masa ini ASEAN masih lagi mengamalkan dasar-dasar ini.

Yang Berhormat dari Sri Gading membayangkan kebimbangannya dengan kemasukan tentera Vietnam ke Kampuchea. Kerajaan memang sedar tentang pergolakan yang berlaku di negara-negara berhampiran yang sedikit-sebanyak menjadi ancaman terhadap keamanan negara kita. Berasaskan kajian ancaman semasa inilah langkah-langkah pertahanan, kekuatan anggota, latihan serta juga langkah-langkah bagi meninggikan moral dan semangat cintakan tanahair di jiwa anggota-anggota tentera itu sendiri dipergiatkan.

Yang Berhormat dari Bruas telah membangkitkan soal kelewatan bayaran pampasan terhadap pembayaran pengambilan balik tanah rakyat di Lumut untuk dijadikan Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia. Sukalah saya menyatakan di sini iaitu tanah bermilik yang terlibat dengan projek TLDM Lumut diambil balik dan diisytiharkan di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 Akta 34 ianya tidak dibuat sekali gus tetapi secara berperingkat-peringkat mengikut keperluannya. Oleh itu, bayaran juga dibuat secara berperingkat. Perisytiharan pengambilan balik tanah di Lumut ini dibuat melalui 9 warta iaitu sejak tahun 1971 sehingga 1978. Bayarannya dibuat sejak tahun 1973 sehingga 1979. Lazimnya jangka masa pembayaran dibuat setahun hingga dua tahun dari tarikh pengisytiharan tersebut dan tidak melebihi lima tahun sebagaimana dakwaan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar dan bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Gerik bahawa pembangunan dan keselamatan adalah dua faktor penting dalam menjamim kestabilan kesejahteraan hidup rakyat dan negara. Kerajaan sentiasa mengadakan rancangan-rancangan yang dilaksanakan di bawah projek KASBAN melalui agensi-agensinya Kerajaan yang lain seperti MAJUIKAN, FELDA dan lain-lain lagi. Penyertaan pasukan angkatan tentera dalam projek pembinaan lebuh raya Timur/Barat adalah untuk menjamin keselamatan supaya projek-projek tersebut dapat berjalan dengan lancar.

Mengenai perkara memindahkan penduduk orang-orang Asli ke kampung-kampung baru, untuk makluman Ahli Yang Berhormat rancangan ini adalah dijalankan oleh Jabatan Orang Asli. Walau bagaimanapun, pemulihan penduduk orang-orang Asli ini Kerajaan telah menempatkan semula lebih kurang 20,000 orang Asli dari berbagai perkampungan. Antara perkampungan yang terlibat ialah seperti Kampung Kuala Betis di Kelantan, Betau di Pahang, Sungai Dala dan Ayer Banun. Setakat ini projek ini telah mencapai kemajuan yang agak memuaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah mengesyorkan supaya Kerajaan membuat senjata sendiri kerana ini dapat menjimatkan perbelanjaan. Terima kasih di atas pandangan dan syor Yang Berhormat itu. Kementerian Pertahanan telahpun menubuhkan satu bahagian yang dinamakan Bahagian Pengeluaran Pertahanan di mana satu daripada objektifnya adalah untuk mengkaji penubuhan industri pertahanan di negara ini bagi memenuhi keperluan angkatan tentera. Walau bagaimanapun, setakat ini Kementerian Pertahanan belum lagi ber-cadang untuk menubuhkan kilang senjata untuk membuat senjata sendiri.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan saya kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kepada perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Kementerian Pertahanan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

*6.06 ptg.*

**Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran dan cadangan mengenai Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang hendak memberi pandangan saya terhadap teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara menyeluruh mengikut program-program yang ditentukan oleh Kementerian Pelajaran. Mengenai program pelajaran rendah dan menengah banyak perkara di bawah program ini telah disentuh oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sukalah saya menegaskan di sini bahawa program pelajaran rendah dan menengah adalah satu-satu program yang terpenting di Kementerian Pelajaran. Ianya

adalah asas kepada pendidikan negara. Oleh itu segala tindakan untuk memastikan bahawa rancangan pelajaran rendah dan menengah ini dijalankan dengan baik dan berkesan adalah sentiasa diusahakan. Oleh itu pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membaiki keadaan di sekolah-sekolah adalah dihargai dan rancangan-rancangan ini sedang berjalan sekarang. Umpamanya, untuk tujuan penyelenggaraan sekolah-sekolah sahaja sebanyak \$67,399,400 diperuntukkan untuk maksud ini. Dari jumlah ini sebanyak \$30,033,000 diuntukkan untuk Sabah dan Sarawak. Oleh itu, kekhuatiran Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak telahpun diambil kira. Selain daripada itu kajian mengenai bantuan ke sekolah-sekolah telahpun hampir selesai. Kajian ini telahpun meneliti kemungkinan untuk memberi lebih bantuan kepada sekolah-sekolah luar bandar berbanding dengan bantuan-bantuan yang diberi kepada sekolah-sekolah di dalam kawasan bandar. Kementerian juga akan terus memperbaiki keadaan pentadbiran di sekolah-sekolah dan di Pejabat Pelajaran Negeri. Pegawai-pegawai sokongan yang terlatih akan dibekalkan dengan secukupnya. Selain daripada itu, Pejabat Pelajaran Daerah akan diadakan untuk meningkat lagi pengawasan ke atas sekolah-sekolah.

Berhubung dengan ulasan Ahli Yang Berhormat dari Damansara mengenai penutupan sekolah Cina dan Tamil, sukaiah saya menerangkan bahawa Kementerian Pelajaran tidak mempunyai ataupun tidak berhasrat untuk menutup sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang ada sekarang. Jika ada pun yang telah ditutup ini adalah kerana sekolah itu dicantumkan dengan sebuah sekolah yang berhampiran setelah mendapat persetujuan daripada Persatuan Ibu-Bapa dan Guru (PIBG) dan Lembaga Pengurusan Sekolah yang berkenaan. Tujuan percantuman ini ialah untuk memberi peluang kepada murid-murid yang berkenaan mendapat pengajaran dan pembelajaran yang lebih sempurna dalam sekolah yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya sukaiah saya menjelaskan bahawa Kementerian Pelajaran sedang dan akan terus mengadakan

kemudahan-kemudahan pelajaran untuk kanak-kanak cacat. Pada masa sekarang ini terdapat 59 buah sekolah biasa yang mempunyai 1,635 orang murid-murid pekak. Di samping itu satu sekolah khas yang berasrama penuh sedang berjalan di Pulau Pinang. Bagi kanak-kanak buta pula sekarang ini terdapat tiga buah sekolah khas berasrama selain daripada 11 buah sekolah-sekolah biasa yang mempunyai murid-murid buta. Kelas percantuman dan sekolah-sekolah khas ini akan ditambah dari masa ke semasa apabila keperluan ada.

Yang Berhormat dari Kangar telah menyentuh tentang keputusan peperiksaan murid-murid di sekolah berasrama penuh dan seterusnya menyarankan supaya lebih banyak lagi sekolah-sekolah seperti ini diadakan. Mengenai perkara ini Kementerian Pelajaran mempunyai 17 buah projek sekolah berasrama penuh yang sedang dalam pembinaan dan juga perancangan. 7 buah daripadanya ialah melalui Rancangan Malaysia Ketiga di negeri-negeri Kedah, Perak, Selangor, Johor, Pahang, Trengganu dan Kelantan dan 10 buah lagi sekolah dalam perancangan Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah murid-murid di sekolah yang mempunyai dua sidang, Kementerian saya menyedari dan sedang berusaha untuk mengatasinya dengan cara membina lebih banyak lagi sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun tindakan ini akan mengambil masa yang panjang. Oleh itu di mana keadaan mendesak agar dua sidang dijadikan satu sekolah diadakan, Kementerian cuba mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengurangkan kesulitan-kesulitan murid-murid dan juga guru-guru.

Berhubung dengan ulasan Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan mengenai Sekolah Menengah Bukit Garam, Sabah sukaiah dinyatakan di sini bahawa kerja-kerja ukur mengukur bagi projek sekolah tersebut telahpun siap dan penyelidikan tanah sudah dilaksanakan. Segala dokumen-dokumen untuk membuat tawaran sedang disediakan dan adalah dijangka tender bagi projek ini akan dapat dipanggil tidak lama lagi.

Yang Berhormat dari Jerai kluatir tentang ambilan alih sekolah-sekolah agama oleh Kerajaan Pusat. Adalah dimaklumkan bahawa setakat ini Kementerian Pelajaran belum bercadang untuk mengambil alih semua sekolah agama di negeri ini, sebaliknya usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengkaji kemungkinan untuk memberi bantuan dalam bentuk kewangan dan perkhidmatan guru-guru akademik yang terlatih bagi sekolah-sekolah agama.

Mengenai program pentadbiran, perkara berkaitan dengan perkhidmatan guru-guru UTS ataupun perkhidmatan perguruan yang disatukan (Unified Teaching Service) telah juga dibangkitkan dalam Dewan ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan telah menerima perakuan Suruhanjaya Gaji Aziz dan melalui skim baru yang diperakukan oleh Suruhanjaya Gaji tersebut, guru-guru yang berkhidmat di dalam skim UTS telah diberi peluang untuk menjadi guru-guru Kerajaan. Bagi guru-guru Sabah UTS yang tidak diserapkan ke dalam perkhidmatan Kerajaan semasa skim Gaji Aziz dilaksanakan di Sabah, Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan perlantikan mereka ke dalam perkhidmatan pelajaran mulai 1hb Januari, 1980 mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa. Kesemua guru-guru Sabah UTS telah pun bersetuju menerima perlantikan tersebut, dengan itu maka soal tidak memberikan kemudahan-kemudahan yang terdapat pada masa lampau adalah tidak benar. Pengesahan kenaikan pangkat guru-guru yang memangku jawatan-jawatan naik pangkat adalah tertakluk kepada prestasi dan merit yang mereka tunjukkan semasa memangku jawatan-jawatan tersebut. Pengesahan hanya dapat dipertimbangkan selepas perakuan dikemukakan oleh Ketua Jabatan mereka selepas difikirkan layak dan setelah dinilai mutu kerja serta kecakapan mereka dalam menjalankan jawatan yang diisi.

Memanglah benar terdapat sebilangan guru-guru yang telah lama memangku yang masih belum lagi naik pangkat ke jawatan mereka. Ini disebabkan bahawa pada tahun 1980 iaitu akibat penggredan semula sekolah-sekolah sebanyak 8,500 jawatan kenaikan pangkat mengikut kategori masing-masing

telah diwujudkan. Memandangkan kepada sebilangan besar pegawai-pegawai yang terlibat dalam urusan kenaikan pangkat ini, Kementerian saya terpaksa mengendalikan urusan kenaikan pangkat ini secara berperingkat-peringkat. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang mengadakan urusan-urusan kenaikan pangkat ini sepanjang tahun untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Berhubung dengan program kebijakan penuntut, Yang Berhormat dari Padang Rengas telah mencadangkan supaya pihak sekolah menyediakan semua buku-buku teks untuk semua murid-murid yang mana tidak layak menerima bantuan buku teks akan dikehendaki membayar harga buku kepada sekolah. Cadangan Yang Berhormat itu baik pada dasarnya tetapi akan menimbulkan banyak masalah-masalah pentadbiran dan pengurusan yang tidak seimbang dengan faedah yang didapati. Sistem kelayakan yang berkuatkuasa sekarang adalah didapati sesuai untuk sekarang.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar untuk mengadakan Pegawai-pegawai Agama di Jabatan Penuntut di luar negeri, sukalah dinyatakan bahawa Kementerian Pelajaran sememangnya mempunyai rancangan untuk mengadakan Pegawai-pegawai Agama di Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di seberang Laut. Pada masa ini Jabatan Penuntut Malaysia, London telah mempunyai dua jawatan berkenaan. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengadakan jawatan yang serupa di Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di Amerika Syarikat, di Australia, New Zealand dan Canada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Padang Rengas telah menyentuh rancangan makanan tambahan di sekolah-sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian Pelajaran telahpun memberi kriteria-kriteria yang jelas untuk digunakan sebagai asas pemilihan. Kriteria-kriteria ini mengambil kira tentang keadaan kesihatan serta sosio-ekonomi seseorang murid itu.

Satu perkara yang perlu ditegaskan di sini ialah rancangan makanan tambahan ini bukanlah 100% usaha ataupun rancangan kebijakan. Sebaliknya tujuan utamanya ialah untuk meningkatkan taraf kesihatan dan pemakanan di kalangan murid-murid sekolah. Berhubung dengan sikap pengusaha-pengusaha kantin yang enggan menyediakan makanan ini yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas juga, sememangnya benar perkara ini berlaku tetapi hanyalah bagi sekolah-sekolah yang bilangan murid-muridnya kurang dari 300. Bagi sekolah-sekolah yang murid-muridnya lebih ramai masalah ini tidak timbul. Walau bagaimanapun, Guru Besar boleh membuat lain-lain tindakan untuk melaksanakan rancangan ini. Tambahan pula kadar pada tiap-tiap seorang murid telah dinaikkan kepada 35 sen.

Yang Berhormat dari Parit pula telah membangkitkan soal tempoh kontrak bagi penuntut-penuntut perubatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang ini Kerajaan sedang mengenakan ikatan kontrak selama lebih dari 7 tahun kepada penuntut-penuntut perubatan iaitu 10 tahun. Jika penuntut-penuntut ini gagal untuk berkhidmat dengan Kerajaan bagi tempoh tersebut, mereka akan dikenakan denda sebanyak \$70,000.

Mengenai masalah moral pelajar-pelajar kita di seberang laut seperti yang diterangkan sekejap tadi, Kementerian saya sedang mengambil tindakan dengan mengadakan jawatan-jawatan tertentu untuk memberi bimbingan agama dan moral kepada mereka.

Mengenai saranan Yang Berhormat untuk menghantar penuntut-penuntut ke negara-negara lain selain daripada Britain, perkara ini memang dijalankan sekarang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian Pelajaran tidak lagi menumpukan ke Britain tetapi ke lain-lain negara seperti New Zealand, Australia, Canada, Amerika Syarikat dan Belgium.

Mengenai program pelajaran tinggi yang mana telah menarik perhatian Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan juga Yang Berhormat dari Kota Melaka, pada masa ini

Kerajaan sedang merancang perkembangan dan pembesaran ke lima-lima buah universiti tempatan yang sedia ada. Dengan perkembangan ini pengambilan pelajar-pelajar ijazah pertama akan dapat dipertingkatkan daripada kira-kira 5,000 ke 6,000 setahun kepada kira-kira 8,000 hingga 9,000 setahun dalam tahun 1985. Ini tidak termasuk pengambilan ke kursus-kursus diploma dan sains asasi. Di samping itu Kerajaan tidak menyekat pelajar-pelajar keluar negeri bagi mendapatkan pelajaran tinggi. Saya percaya kesemua usaha-usaha ini akan dapat menambah lagi bilangan tenaga manusia yang berkelayakan tinggi untuk pembangunan negara. Kerajaan kita adalah sedar bahawa pelajaran sangatlah penting untuk pembangunan negara. Walau bagaimanapun, perlulah diingatkan bahawa pengeluaran siswazah perlu dirancang dan dikawal. Seterusnya perlulah ditegaskan di sini bahawa pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu lagi universiti di negara ini kerana universiti-universiti yang sedia ada masih lagi dalam proses perkembangan. Oleh itu untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, Kerajaan akan terus memperluaskan ke pelajaran bukan dengan menubuhkan universiti baharu tetapi dengan memperkembangkan universiti-universiti yang sedia ada. Kerajaan sedar bahawa tiap-tiap tahun banyak permohonan dari pemohon-pemohon yang berkelayakan terpaksa ditolak. Perkara ini sememang satu perkara yang biasa berlaku di mana-mana negara pun kerana semua negara tidak dapat memberi peluang pengajian tinggi 100% kepada semua pemohon-pemohon yang layak.

Mengenai kemasukan calon-calon bukan bumiputera pula, sukalah saya menjelaskan dalam Dewan ini dasar pengambilan pelajar-pelajar ke universiti-universiti tempatan mengikut peraturan yang sedang berjalan sekarang iaitu pertambahan sebanyak 2% setahun pada keseluruhannya akan dikekalkan. Kadar tambahan ini akan berterusan sehinggalah komposisi kaum ke lima-lima universiti pada keseluruhannya menjadi 55% bumiputra dan 45% bukan bumiputra. Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan dasar ini, Kerajaan me-

memandang secara menyeluruh iaitu dengan mengambil kira ke lima-lima universiti sekali gus. Oleh itu, jika dipandang dari segi tiap-tiap universiti sudah tentulah komposisi kaum yang berbeza-beza di antara satu dengan yang lain tetapi secara keseluruhannya pertambahan 2% setahun ini adalah dipatuhi.

Mengenai program latihan guru, perkara ini telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Kangar dan beliau sekali lagi mencadangkan supaya satu maktab perguruan diadakan di negeri Perlis. Bagi menyampaikan hasrat beliau, sukacitalah saya memberitahu perkara ini telah dimasukkan sebagai salah satu projek pembangunan Kementerian Pelajaran dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Berhubung dengan kekurangan guru-guru terlatih di sekolah Cina, sukalah dijelaskan di sini bahawa Kementerian telah dan sedang menjalankan kursus-kursus tertentu untuk membekalkan guru-guru sekolah Cina yang terlatih. Bilangan pengambilan guru-guru dalam golongan ini ke maktab-maktab telah ditingkatkan menjadi lebih kurang 600 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, banyak Ahli Yang Berhormat telah membuat beberapa teguran lain yang tidak dapat saya beri jawapan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, semua ulasan-ulasan dan teguran-teguran mereka adalah dalam ingatan dan perhatian Kementerian Pelajaran. Oleh kerana kebanyakannya boleh diselesaikan secara pentadbiran oleh Kementerian ini, maka susulan yang sesuai akan dibuat oleh pegawai-pegawai di Kementerian Pelajaran. Saya tidak ada halangan jika sekiranya tindakan susulan ini masih belum diselesaikan bagi Ahli Yang Berhormat yang berkenaan untuk menghubungi saya sendiri atau Timbalan-timbalan saya supaya perkara-perkara yang dibangkitkan itu dapat perhatian yang sewajarnya. Saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berkesempatan memberi teguran dan pandangan yang membina terhadap Kementerian Pelajaran. Kesemua pandangan dan teguran yang dikemukakan itu adalah dalam perhatian Kementerian Pelajaran dan kita akan terus berusaha untuk memperbaiki segala aspek pembelajaran di semua peringkat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi pihak Kementerian Luar Negeri.

6.28 ptg.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri dalam perbincangan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah menyeru supaya Kerajaan mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin parti Pembangkang sebelum menetapkan dasar-dasar luar negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah menyentuh tentang masalah-masalah di Kampuchea, kerjasama di ASEAN, masalah ketenteraan dan sebagainya.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kemaman, Ulu muda dan Seri Gading yang telah menyentuh tentang pertikaian di Kemaman. Ulu Muda dan Seri Gading yang diambil oleh Kerajaan sehingga ini. Inginlah saya tegaskan bahawa Kerajaan sentiasa memandang berat dan berusaha bersamasama dengan negara-negara Asean yang lain untuk mencari penyelesaian politik yang berkeadilan berdasarkan kepada resolusi-resolusi Bangsa-bangsa Bersatu dan Deklarasi Persidangan Antarabangsa berkenaan Kampuchea dan penyelesaian politik itu adalah penting untuk menjamin wujudnya Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) di rantau ini. Resolusi-resolusi tersebut menggesa supaya Vietnam mengundurkan semua tenteranya dari Kampuchea, menyeru supaya diadakan pilihanraya bebas di bawah kawalan Bangsa-bangsa Bersatu di samping memberikan peluang kepada semua rakyat Kampuchea menentukan masa depan mereka sendiri tanpa campurtangan dan pengaruh dari luar. Malangnya, seruan-seruan tersebut tidak dapat sambutan yang menggalakkan dari

pihak Vietnam dan sekutu-sekutunya. Mereka telah memulaukan persidangan antarabangsa (International Conference on Kampuchea) dan tetap berdegil dengan pendiriannya. Bagi mereka tiada masalah di Kampuchea kerana regim bonekanya telah berkuasa penuh menguasai negara tersebut. Walaupun wujudnya regim tersebut dilakukan dengan cara yang bertentangan dengan piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Mereka menganggap kononnya masalah Kampuchea adalah masalah serantau yang hanya perlu diselesaikan menerusi forum atau persidangan negara-negara serantau sahaja. Mereka juga menuduh punca yang menyebabkan berlakunya pergolakan politik

di negara-negara di rantau ini adalah disebabkan adanya ancaman dari Cina dan bukannya kerana sikap agresif Vietnam itu sendiri. Kesemua dakwaan mereka itu jelas menunjukkan untuk mengabui mata dunia antarabangsa supaya bersimpati dan menyokong usaha-usaha haram mereka itu.

**Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat** boleh sambung esok. Dewan ditangguhkan hingga 2.30 petang hari esok, Rabu, 11hb November, 1981.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*